



SELANGOR

PERCUMA 19 - 26 Februari 2016, 10 - 17 Jamadilawal 1437H

www.selangorku.com

MediaSelangorku

MediaSelangor

tv.selangorku.com

#SmartSelangor

UTAMAKAN PEKERJA TEMPATAN

BAWA MASUK
1.5 JUTA PEKERJA
BANGLADESH



Fokus keperluan tenaga kerja, beri latihan kemahiran bantu anak muda menganggur

“Tidak ada keperluan membawa pekerja asing, sebenarnya sudah terlalu ramai berada di dalam negara”

Menteri Besar,
Dato' Seri Mohamed Azmin Ali

LAPORAN
PENUH
MUKA

3

Bas
percuma
seluruh
daerah



3

Rakyat
senyum
tanpa
cukai



8

20,000
kanak-
kanak
dibantu

20

MPK tekad ubah Klang jadi terbersih

Sambut baik titah DYMM Sultan Selangor
“I want you to (sic) keep Klang clean”

WAWANCARA
KHAS MUKA 14 & 15



Lambakan pendatang asing

Apa perlu tambah 1.5 juta lagi?



OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Lambakan 3.7 juta pendatang asing tanpa izin perlu diselesaikan Kerajaan Persekutuan sebelum 1.5 juta lagi pekerja asing dibawa masuk dari Bangladesh.

Naib Presiden Keadilan, Nurul Izzah Anwar, berkata situasi itu bercanggah dengan agenda ekonomi digariskan Rancangan Malaysia ke-11 iaitu mewujudkan 1.5 juta pekerjaan menjelang 2020.

Katanya, kerajaan turut disarankan menguatkuasakan kawalan undang-undang sedia ada bagi mengatasi isu lambakan pekerja asing.

"Namun Kementerian Dalam Negeri (KDN) menegaskan tida angka mutlak bagi kemasukan pekerja Bangladesh ke negara ini ekoran ia bergantung kepada keperluan sebenar majikan semasa permohonan dibuat.

Isu pekerja asing untungkan kroni Umno?

SHAH ALAM - Masalah lambakan pekerja asing di negara ini tidak selesai selagi pentadbiran kerajaan masih dikuasai Umno, kata ADN Kota Anggerik, Dr Yaacob Sapari.

Beliau mendakwa, 'bisnes' itu memberi keuntungan berbilion ringgit kepada syarikat kroni Umno yang memiliki lesen membawa masuk pekerja asing.

Katanya, keadaan itu menyebabkan Menteri Dalam Negeri 'bermati-mati' mempertahankan kemasukan pekerja asing dengan alasan permintaan majikan.

"Perjanjian Malaysia-Bangladesh memeterai kemasukan 1.5 juta pekerja Bangladesh dibuat di kala pengumuman penyusunan semula serta penambahan sistem kadar levi pekerja asing berkuatkuasa 1 Februari lalu," katanya dalam kenyataan pada 13 Februari lalu.

Katanya, kerajaan perlu memastikan visi ekonomi berjaya rakyat dicapai dengan menetapkan gaji minimum RM1,350 tahun ini dan mensasarkan RM1,850 pada 2020 untuk mencapai nisbah 40 peratus gaji daripada jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Namun, katanya, Jabatan Perdana Menteri (JPM) sekadar menyebut sasaran itu tanpa sebarang rancangan konkret dalam merealisasinya.

"Seharusnya tiada pekerja asing diguna pakai dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan, manakala sektor pembinaan maksimum 30 peratus dan industri berdasarkan agro atau perlادangan maksimum 50 peratus," katanya.

perkhidmatan dan pembuatan, manakala sektor pembinaan maksimum 30 peratus dan industri berdasarkan agro atau perlادangan maksimum 50 peratus," katanya.

Seharusnya tiada pekerja asing diguna pakai dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan, manakala sektor pembinaan maksimum 30 peratus dan industri berdasarkan agro atau perlادangan maksimum 50 peratus

NURUL IZZAH
Naib Presiden Keadilan

"Benar seperti dalam filem Tiga Abdul lakonan Allahyarham P Ramlee 'Jual Orang Lagi Untung Dari Jual Minyak'. Setiap pekerja asing dikenendaki membayar lebih RM6,000 kepada agen untuk masuk ke Malaysia.

"Sekurang-kurangnya RM500 untuk agen di negara asal dan RM1,000 untuk agen tempatan, jadi dengan membawa masuk 1.5 juta pekerja dari Bangladesh, syarikat kroni akan mendapat 1.5 billion," katanya dalam paparan di Facebook pada 15 Februari.

Yaacob berkata, pintu masuk

Malaysia begitu terbuka seolah tiada kawalan dan beliau menggesa pembatalan lesen terhadap warga asing dilakukan serta merta.

"Kuasa menahan hanya ditangan Imigresen, namun mereka tidak mampu untuk menahan semua hingga menjadikan Malaysia pusat longgokan pendatang asing.

"Saya tidak nampak tindakan serius daripada kerajaan untuk mengawal pekerja asing dan penduduk tempatan menjadi mangsa," katanya.

Pekerja tempatan hendak kerja apa?

SHAH ALAM - Rakyat bakal berdepan saingan sengit atau langsung tidak mempunyai peluang kerajaan jika 1.5 juta pekerja dari Bangladesh dibawa masuk ke negara ini.

Naib Presiden PAS, Idris Ahmad berkata, 2.1 juta pekerja asing yang berdaftar di semua sektor sepatutnya mencukupi dan tidak perlu ditambah.

"Tiba-tiba sahaja kerajaan hendak membawa masuk lagi 1.5 juta daripada Bangladesh, maka rakyat Malaysia hendak kerja apa?

"Sampai bila kerajaan hendak mengurangkan pergantungan kepada buruh asing sedangkan di dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11), kerajaan bercadang mengurangkan 11 peratus pekerja asing," katanya dalam kenyataan.

Beliau turut mencadangkan supaya kebergantungan negara terhadap pekerja asing dikurangkan dengan mendaftarkan semula mereka yang masih tinggal secara haram sebagai pekerja sah.

Katanya, masih ramai pekerja di Malaysia mahu bekerja di sektor separa mahir yang didominasi pekerja asing.

"Adakah rakyat Malaysia memilih kerja atau ada dalam kalangan pemimpin yang mahu bernaung buruh asing?



Sampai bila kerajaan hendak mengurangkan pergantungan kepada buruh asing sedangkan di dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11), kerajaan bercadang mengurangkan 11 peratus pekerja asing

IDRIS AHMAD
Naib Presiden PAS

"Mungkin ada segelintir rakyat Malaysia berfikiran demikian, tetapi masih ramai yang mahu bekerja di sektor separa mahir," katanya.

Pengambilan pekerja Bangladesh perlu telus

SHAH ALAM - Proses pengambilan 1.5 juta pekerja Bangladesh perlu dibuat secara telus tanpa penglibatan ejen atau syarikat penyumberan luar di Malaysia untuk membawa mereka masuk.

Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) berkata, terdahulu pekerja dibawa masuk syarikat penyumberan luar diluluskan tanpa pekerjaan terjamin menyebabkan ramai daripada mereka menjadi pendatang tanpa izin.

"Syarikat penyumberan luar yang terdesak untuk mendapatkan kerja bagi pendatang asing kemudiannya bertindak menawarkan pekerja terbatit kepada majikan yang memerlukan pekerja," katanya dalam kenyataan pada 13 Februari lalu.

Persatuan itu berkata, pekilang tidak mahu mengambil pekerja yang bukan bertujuan

Syarikat penyumberan luar yang terdesak untuk mendapatkan kerja bagi pendatang asing kemudiannya bertindak menawarkan pekerja terbatit kepada majikan yang memerlukan pekerja



bekerja dalam sektor pembuatan serta tidak mempunyai kemahiran yang sesuai.

Katanya, pihak majikan perlu dilibatkan dalam pengambilan pekerja dan diberikan hak untuk memilih pekerja sebelum proses kerajaan sebenar.

"Kerajaan perlu segera mengadakan mesyuarat dengan persatuan majikan dan berkongsi perincian pengaturan kerajaan ke kerajaan, terutama berkenaan kos pengambilan pekerja terbatit," katanya.

Bantu belia menganggur

Beri latihan kemahiran, tumpu pekerja tempatan

OLEH NAZLI IBRAHIM

GOMBAK - Kerajaan Persekutuan disarankan melihat keperluan tenaga kerja dalam negara serta memberi latihan kemahiran kepada anak muda supaya mereka dapat ditempatkan dalam sektor bersesuaian.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata cara ini dapat membantu golongan belia menganggur mendapatkan pekerjaan lebih baik de-

ngan gaji setimpal.

"Tidak ada keperluan membawa pekerja asing, sebenarnya sudah terlalu ramai berada di dalam negara perlu disemak semula," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina peringkat Parlimen Gombak dan Dewan Undangan Negeri Gombak Setia.

Katanya, tindakan ini bukan sahaja mampu mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan rakyat tempatan,

malah turut mengekang pengaliran ke luar wang negara secara besar-besaran setiap tahun.

Sebelum ini, pimpinan Pakatan menyatakan perasaan kurang senang dengan tindakan Kerajaan Persekutuan mahu membawa masuk 1.5 juta pekerja Bangladesh yang boleh mencetuskan kesan sosial dan kehilangan kerja warga tempatan.



Bas percuma seluruh daerah menjelang Julai

GOMBAK - Kerajaan Selangor proaktif membantu meringankan kos sara hidup rakyat dengan perkhidmatan bas percuma walaupun pengangkutan awam adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata perkhidmatan bas percuma, Bas Smart Selangor bakal meluaskan operasinya di seluruh daerah di negeri itu menjelang Julai nanti.

"Kita sedia maklum kos sara hidup semakin tinggi dan kos pengangkutan juga semakin tinggi."

"Seperti kita maklumkan baru-baru ini, InsyaAllah hingga Julai 2016, seluruh daerah di Selangor dapat perkhidmatan Bas Smart Selangor secara percuma untuk rakyat," katanya.

Pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina peringkat Parlimen Gombak dan DUN Gombak Setia di tapak Uptown Gombak Setia di sini, pada 14 Februari lalu.

Katanya, Kerajaan Negeri sanggup menanggung pro-



gram Bas Smart Selangor walaupun menyedari program itu menelan perbelanjaan tinggi demi memberi manfaat besar kepada rakyat.

Sehingga kini, Bas Smart Selangor sudah beroperasi di pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Perbandaran Klang (MPK), Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Bas Smart Selangor dilengkapi ciri lengkap kemudahan tempat duduk keutamaan, berkapasiti 60 penumpang, sistem maklumat penumpang, kemudahan WiFi dan mesra orang kelainan upaya (OKU).

Generasi muda serik dengan BN

GOMBAK - Generasi muda serik memberi kepercayaan kepada Umno-Barisan Nasional (BN) mentadbir Selangor ekoran perbeaan besar manfaat diberi Kerajaan Negeri hari ini berbanding pentadbiran sebelumnya.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata walaupun berjaya menggandakan kepercayaan rakyat pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13), Kerajaan Negeri berusaha menambah baik perkhidmatan.

"Rakyat Selangor sudah melalui keperitan di bawah pentadbiran Umno lebih 50 tahun dan tentu rakyat matang memilih perubahan secara besar pada 2008 dan hari ini rakyat gembira de-

ngan perkhidmatan diberikan.

"Bagaimanapun kita terus memberikan khidmat sebaiknya tanpa mengira kaum dan agama," katanya mengulas seruan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi yang mahu golongan belia negeri itu mengembalikan Selangor kepada BN pada PRU-14.

Mohamed Azmin berkata, Kerajaan Negeri bersedia memberikan maklumat terperinci program dilaksanakan untuk golongan belia.

"Kita ada penggerak belia tempatan (PeBT) untuk belia tempatan di setiap daerah bagi memastikan aktiviti belia dapat dijalankan dan mendapat sokong-

an penuh Kerajaan Negeri," katanya lagi.

Sejak mengambil alih Selangor pada 2008, Kerajaan Negeri menawarkan pelbagai manfaat kepada semua lapisan umur termasuk untuk golongan belia menerusi 17 skim di bawah program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) dan lain-lain program diadakan.

Antara program ditawarkan termasuk melibatkan golongan belia, Hadiah Masuk Universiti, Incentif Perkahwinan Belia, Pinjaman HIRAH untuk peniaga, Program Tuisyen Rakyat, Tabung Anak Pekerja Ladang, Bekalan Air Percuma, Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) dan lain-lain.

Mohd Amin: Awas penipuan tawar keahlian Istana Selangor

SHAH ALAM - Istana Selangor tidak pernah mengeluarkan sebarang dokumen atau lambang diraja kepada orang ramai bagi menunjukkan bahawa mereka adalah sebahagian daripada kerabat diraja.

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Dato' Mohd Amin Ahmad Ahya, berkata orang ramai diberi amaran terhadap taruhan barang seumpama itu.

"Rakyat perlu berhati-hati ekoran ia hanya satu penipuan.

"Tidak ada lambang seperti itu dikeluarkan istana," katanya dipetik portal Mstar.

Beliau mengulas berkenaan penahanan dua lelaki yang dipercayai terlibat menjual keahlian Istana Diraja Selangor.

Polis turut merampas sebuah kereta dengan nombor plat kuning mengandungi pernyataan 'Istana Diraja Selangor'

dan 'Y.M. Raja Ampat Selangor Tengku Lutfi B. Almarhum Tengku Badli Shah'.

Kereta itu juga dilengkapi lampu berkelip dan siren selain mempunyai pelekat lambang diraja Selangor.

Mohd Amin berkata, Kerajaan Negeri mengambil langkah menghentikan kegiatan itu, termasuk memantapkan Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) Enakmen 1962.

"Kami sedang berusaha mengukuhkan enakmen itu, iaitu mencegah orang tidak bertanggungjawab daripada menyalahgunakan nama baik Istana Selangor dan menghukum mereka terlibat dalam penipuan itu," katanya.

Enakmen itu menyatakan bahawa tiada siapa dibenarkan menggunakan lambang



Mohd Amin

diraja, gelaran diraja Selangor, lambang diraja dan plat kuning pada kenderaan mereka kecuali Sultan dan Raja Muda.

Sesiapa menggunakan lambang itu pada kenderaan mereka tanpa persetujuan Sultan boleh dikenakan denda sehingga RM1,000.

Penduduk lega

Isu pemilikan tanah Kampung Kuala Pangsun berakhir

OLEH HAFIZAN TAIB

HULU LANGAT - Masalah pemilikan kekal dihadapi penduduk Kampung Kuala Pangsun, mukim Hulu Langat di sini sejak puluhan tahun berakhir apabila mereka memperoleh geran tanah daripada Pejabat Daerah Hulu Langat.

ADN Dusun Tua, Razaly Hassan, berkata penyelesaian perka-ra itu dijalankan dalam tempoh beberapa tahun dengan kerjasama pejabat daerah sekaligus mengakhiri masalah memb-e-lenggu penduduk.

"Kita serahkan geran tanah kekal dan inilah tanggungjawab Kerajaan Negeri atas tema 'Pembangunan Berkualiti Rakyat Dipeduli' dan diteruskan lagi usaha mengatasi masalah ini," katanya selepas Majlis Penyerahan Geran Tanah bagi mukim Hulu Langat di Kampung Kuala Pangsun, di sini, pada 13 Februari lalu.

Seramai 66 penduduk mene-rima geran tanah kekal disampaikan Razaly yang turut dihadiri Pegawai Daerah Hulu Langat, Zul-Kefli @ Zulkefli Khalid.

Beliau berkata, pemberian terbabit adalah bagi fasa pertama dan fasa seterusnya dijalankan supaya masalah geran tanah



di DUN Dusun Tua dapat diatasi dari semasa ke semasa.

Katanya, Kerajaan Negeri me-lalui pejabat daerah diminta memberi pertimbangan terhadap memberian geran terbabit kepada penduduk yang menduduki sesuatu kawasan melebihi 15 tahun.

"Hingga kini ramai empunya tanah mengunjungi saya meng-

hadapi masalah tiada geran dan hanya memiliki surat pemilikan sementara.

"Apa diharapkan supaya tanah rezab Melayu dan pertanian ini apabila diberikan geran tanah, dapat dikekalkan serta tidak semudah itu untuk dijual ter-tama kepada bukan Melayu," katanya.

Beliau berkata, dengan be-

rakhir isu di kampung itu maka tumpuan beralih ke kampung seterusnya seperti Lubuk Kelubi, Mampir dan Sungai Serai.

Bagi penyelesaian di Kam-pung Mampir, katanya, kawasan dihadu-ki penduduk kira-kira 30 hingga 40 tahun itu perlu di-robohkan bagi pembangunan semula.

"Itu usaha sedang dilakukan



Zulkefli Khalid

mengikut syarat ditetapkan pe-jabat daerah dan selagi tidak di-robohkan maka tidak boleh serta mereka dianggap menceroboh-kan sedangkan mereka beli ta-nah di situ," katanya.

Sementara itu, Zulkefli berka-ta, penyerahan geran tanah itu berjaya dilakukan selepas usaha dijalankan membuatkan hasil seperti mana ditetapkan.

"Masalah tanah ini bukan bo-leh diselesaikan dalam sehari dua dan ia membabitkan pelbagai pi-hak termasuk Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) yang menentukan sempadan tanah.

"Maka usaha ini diteruskan bagi membantu penduduk mem-peroleh hak mereka," katanya.

Bas percuma ke Rumah Terbuka Tahun Baru Cina

SHAH ALAM - Perkhidmatan bas percuma, Bas Smart Selangor akan ditambah bagi memudahkan tetamu ke Rumah Terbuka Tahun Baru Cina anjuran Kerajaan Negeri, pada 20 Februari depan.

Exco Pelaburan, Perindus-trian dan Perdagangan, Indus-tri Kecil dan Sederhana (IKS) dan Pengangkutan, Dato' Teng Chang Khim, berkata, keteta-pan itu diambil bagi mengurang-kan kesesakan lalu lintas ke Dataran Petaling Jaya den-gan jangkaan lebih 10,000 tetamu akan hadir.

"Tiga Bas Smart Selangor akan digunakan di sepanjang laluan perjalanan bermula se-wal pagi hingga jam 12 malam," katanya pada sidang media di Bangunan Invest Selangor di sini, pada 15 Februari lalu.

Menteri Besar, Dato' Seri Moham-ed Azmin Ali dijngka akan merasmikan sambutan berke-

naan yang juga akan dihadiri Exco dan ADN, Ketua Jabatan dan wakil kedutaan.

Lebih istimewa, program kerjasama Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Tourism Selangor itu juga bakal di-meriahkan dengan pelbagai persembahan kebudayaan daripada pelbagai bangsa.

Ia sebagai simbolik per-paduan dan ikatan penyatu-an rakyat Selangor yang terdiri daripada pelbagai agama dan bangsa.

"Persembahan selama 90 minit daripada pelbagai bang-sa juga akan diadakan selain jamuan kepada tetamu yang hadir.

"Kita juga akan berikan sum-bangan angpu kepada anak yatim dan kanak-kanak," ka-tanya.

Justeru, orang ramai dijem-put hadir bagi memeriahkan program berkenaan.



Lebih 1,500 meriahkan Rumah Terbuka sambutan Tahun Baru Cina

GOMBAK - Hujan lebat tidak menghalang lebih 1,500 tetamu hadir ke Majlis Rumah Terbuka sambutan Perayaan Tahun Baru Cina peringkat DUN Gombak Se-tia dan Parliment Gombak, pada 14 Februari lalu.

Majlis yang dihadiri Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali itu berlangsung meriah dengan dihadiri masyarakat pelbagai

kaum dari kawasan itu.

ADN Gombak Setia, Hasbullah Mohd Ridzwan, berkata keadaan ini membuktikan ke-se-pakatan masyarakat berbilang bangsa di negeri termaju itu.

"Pihak kami menyediakan meja makan untuk seribu orang dengan kesemua tempat sudah dipenuhi sejak awal tadi," katanya ketika menyampaikan uca-

pan alu-aluannya.

Majlis rumah terbuka itu turut dimeriahkan dengan kehadiran beberapa pemimpin peringkat negeri dan nasional seperti Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan & Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari; Ahli Parlimen Batu, Tian Chua dan Ahli Parlimen Selangor, William Leong Jee Keen.

Pusat Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS)

101 lokasi untuk 5,600 calon SPM

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2016 berpeluang menyertai kelas tambahan Pusat Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) bagi memperbaiki keputusan peperiksaan masing-masing.

Penolong Setiausaha Pendidikan, Pengurusan Sumber Manusia Kerajaan Selangor, Siti Syazwani Abdul Latif, berkata pengambilan pelajar bagi sesi 2016 itu sedang berjalan di semua kawasan DUN bagi memenuhi kouta 101 kelas PTRS disediakan.

Katanya, pelajar dengan pencapaian lemah dan sederhana dalam peperiksaan akhir tingkatan 4 tahun lalu dan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) tahun sebelumnya digalakkan menyertai.

"Kuota keseluruhan sebanyak 5,600 kesemuanya dan jika ibu bapa berminat menghantar anak mereka, boleh datang ke Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) di DUN masing-masing.

"PKM akan tentukan lokasi kelas PTRS diadakan sama ada di bangunan sekolah untuk menentukan tempat sesuai PTRS dijalankan yang biasanya mereka memilih lokasi memudahkan pelajar hadir," katanya kepada SelangorKini, pada 13 Februari lalu.

Syazwani berkata, Kerajaan Negeri juga berharap pelajar terpilih mengikuti tuisyen percuma itu tidak mensia-siakan peluang diberikan dengan menghadiri setiap sesi kelas diadakan.

"Kadang-kala bila diberi percuma, ada pihak tidak berapa menghargai peluang yang ada dan



**Putus Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS)
Sejak 2008 - 30 Jun 2015**

- Seramai 29,654 pelajar terima manfaat dengan kos keseluruhan RM16,145,564
- Menawarkan mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah.

sebab itulah kita perlukan komitmen pelajar itu sendiri untuk hadir mengikut jadual kelas disediakan demi kebaikan mereka sendiri," katanya.

Selain diberikan tempat mengikuti tuisyen percuma, pelajar terpilih juga dijadikan anak angkat kepada ADN kawasan masing-masing bagi memantau perkembangan pelajaran pelajar terbabit.



Tiada keracunan di Sungai Selangor

SHAH ALAM - Isu keracunan di-dakwa berlaku di Sungai Selangor menyebabkan pelbagai jenis ikan mati adalah tidak benar dan ia sengaja diputar belitkan pihak tertentu.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong, berkata perkara terbatit tidak timbul ekoran ia tidak pernah berlaku seperti mana dilaporkan media awal Februari ini.

Katanya, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) menjalankan tindakan segera dan menyelesaikannya pada akhir Januari lalu apabila mendapat laporan di media sosial bahawa individu tertentu menggunakan bahan beracun, namun siasatan mendapat ia tidak berlaku.

"Itu bukan racun, siapa cakap racun. Kita menjalankan pemantauan dan menguji sampel air yang mana keputusannya tiada racun.

"Hasil ujian dilakukan di loji pembersihan air di Sungai Selangor tetapi pelbagai jenis ikan terdampar mati didakwa diracun segelintir pihak tidak bertanggungjawab.

Beliau berkata, hasil ujian mendapat kematian pelbagai jenis ikan berlaku ekoran kadar ok-sigen rendah di kawasan sungai berkenaan.

Sebaliknya ujian sampel air diperoleh LUAS di loji rawatan Indah Water Konsortium (IWK) di Bukit Beruntung menghasilkan keputusan meragukan dan ia diserahkan kepada Suruhanjaya Pengurusan Air Negara (SPAN) untuk siasatan susulan ekoran agensi itu di bawah bidang kuasanya.

Justeru, Elizabeth menasihatkan orang ramai tidak mudah terpengaruh dengan laporan media sosial yang memberi gambaran perkara itu baharu berlaku.

"Tiada isu ammonia atau bahar beracun manakala loji pembersihan air juga tidak ditutup.

"Orang ramai perlu mendapat penjelasan menerusi hasil ujian yang betul sebelum merujuk kepada kenyataan media meragukan," katanya menempelkan pihak tertentu yang mengeluarkan kejadian tanpa fakta sebenar.

Baru-baru ini dikatakan berlaku bukan setakat bau busuk di kawasan Sungai Selangor tetapi pelbagai jenis ikan terdampar mati didakwa diracun segelintir pihak tidak bertanggungjawab.

Ia menimbulkan kemarahan penduduk yang juga nelayan darat yang didakwa hilang punca pencarian manakala kaki pancang terpaksa pulang dengan tangan kosong.



DLP jelmaan PPSMI, lemahkan Bahasa Melayu

KUALA LUMPUR - Kerajaan Persekutuan diingatkan tidak memperdayakan rakyat dengan percubaan mengembalikan Pembelajaran dan Pengajaran Sains Matematik dan Bahasa Inggeris (PPSMI) yang dimansuhkan selepas mendapat bantahan pelbagai pihak.

Pengerusi Gerakan Mansuh PPSMI, Profesor Emeritus Dr Shahrir Mohamad Zain, berkata percubaan itu dibuat dengan melaksanakan Program Dwi Bahasa (DLP) di 300 buah sekolah terpilih sebelum dilaksanakan di sekolah-lain.

"Walaupun Kementerian Pendidikan mengumumkan tiada

paksaan sekolah melaksanakan dasar ini, tetapi kami diberitahu beberapa sekolah ini dipaksa melaksanakan dengan menggunakan Bahasa Inggeris sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik iaitu sama dengan PPSMI, tiada konsep dwibahasa itu.

"300 sekolah dipilih itu adalah sekolah elit dengan mempunyai keputusan peperiksaan cemerlang sekaligus sudah tentu mencerminkan kejayaan dasar DLP ini," katanya.

Sekiranya perkara itu tidak ditentang, beliau yakin Kementerian Pendidikan lambat laun memasukkan DLP ini se-

bagai dasar wajib.

Dr Shahrir turut menyayangkan tindakan itu sebagai 'peludah bahasa' ekoran tindakan itu adalah tindakan 'melemahkan' Bahasa Melayu.

"Jika mereka masih tidak menjawab, kita adakan perhimpunan besar-besaran pada 26 Mac nanti di ibu kota Kuala Lumpur," katanya lagi.

Pelancaran dihadiri tiga sasterawan negara, Datuk Dr Mohd Anwar Ridhwan, Prof Dr Muhammad Salleh dan Datuk Baharudin Zainal itu turut dimeriahkan dengan beberapa acara sampaian termasuk nyanyian dan deklamasi sajak.

SELANGOR KINI SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Lembaga Editorial CCSB

KETUA PENGARANG: Cecelia Alphonse

PENGARANG : Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG: Mohd Ezli Mashut, Naeem Raffi, Afeeqa Afeera

WARTAWAN:

Hafizan Taib: hafizantaib@mediaselangor.com,

Nazli Ibrahim: nazli@mediaselangor.com,

Afix Redzuan: syafiq@mediaselangor.com,

Lizawati Madfa: lizawati@mediaselangor.com,

Norhayati Umor: hayati@mediaselangor.com,

Syasya Sufian: syazwansufian@mediaselangor.com

Ermizi Muhamad: noraizie@mediaselangor.com

JURUGAMBAR: Asri Sapie, Raheemie Arifin & Shuaib Ayob

GRAFIK & REKA LETAK: Uni Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuitati 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com

Rakyat pertikai khidmat warga asing

Siapa kata semua pekerja Bangladesh rajin?

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Lambakan pekerja asing sedia ada cukup membuatkan rakyat Malaysia marah, apatah lagi tambahan pekerja Bangladesh sebanyak 1.5 juta kelak.

Mohd Faizal Zulkifly yang berkongsi pendapat di Facebook mempersoalkan kerajaan pekerja Bangladesh yang sering dipuji se-dangkan ia sebenarnya indah khabar dari rupa.

"Pekerja Bangla memang boleh buat kerja, tetapi mereka paling pemalas hendak kerja. Se-lagi tidak kena maki hamun, jerit pekik, selagi itulah tidak buat kerja," katanya.

Katanya, mereka juga terlalu berkira dan memilih untuk tidak melakukan kerja jika mendapati ia sukar dan berlaku diskriminasi antara pekerja asing dan tempatan.

"Kalau pokok sawit tinggi sedikit, mereka ti-

dak mahu potong buah. Susah katanya. Walau-pun kena bambu macam lembu, mereka buat ti-dak tahu dan suka curi tulang bila mandur tiada.

"Berbeza dengan pekerja Indonesia yang sanggup lakukan kerja asalkan upah ditambah sedikit dan memiliki kederat (tenaga) kuat," katanya.

Beliau turut mempersoalkan gaji minimum pekerja tempatan sebanyak RM900, namun ter-paksalah menanggung kos yang semakin tinggi.

"Makan sendiri, rumah sendiri, pengangku-tan sendiri, lepas itu hendak sembang kota be-lla Malaysia tidak mahu kerja susah dan kotor? Pergi la tengok sektor kritikal macam 'Oil and Gas' atau 'Shipping'."

"Boleh je orang kita kerja bahaya dan kotor. Kerja welding dalam laut, kerja 'technician' en-jin kapal. Sebab apa? Gaji bayar cantik, makan pakai semua cukup," katanya.

Mohd Faizal Zulkifly

February 14 at 11:01pm · Sungai Buloh

Siapa kata Bangla semua rajin?

Kalut isu kerajaan nak bawak masuk pekerja Bangla 1.5j ni. Katanya kebanyakannya untuk sektor perladangan, ladang kelapa sawit. Kononnya, pekerja Bangla ni rajin, tak memilih kerja, kerja kuat. Sapa kata? Ni nak cinta skit pengalaman tokey2 ladang sawit yang aku jumpa sepanjang kerja bidang ni. Pertama, pekerja Bangla ni memang boleh buat kerja, tapi Bangla ni la paling pemalas nak kerja. Selagi tak kena maki hamun, jent pekik, selagi tula tak buat kerja. Orang suruh potong buah masak, dia potong buah mudah. Loose fruit taknak kutip. Lepas tu diorang punya berkira kerja, kalau pokok sawit tinggi sikit, diorang tak nak potong buah. Susah katanya. Walaupun kena bambu macam lembu, tak ada. Jauh lebih rajin pekerja Indonesia. Indonesia ni diorang kata kalau Bangla tak nak potong buah pokok tinggi diorang sanggup asalkan tambah upah skit. Ok lah dari langsung tak nak. Lepas tu, pekerja Indon ni kederat kuat.

TPPA: Apa nasib 250,000 graduan menganggur?

SHAH ALAM - Saranan Kera-jaan Persekutuan supaya golongan muda bersedia menerima pelaksanaan Perjan-jian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA) dibidas Ahli Parlimen Kapar, Manivannan Gowind.

Katanya, golongan muda terpaksa bergelut dengan tekanan ekonomi yang menyebabkan sukar mendapatkan pekerjaan, meskipun mempunyai kemahiran dan pendidi-kan.

"Perjanjian yang membuka ruang kepada Amerika ini me-nyukarkan golongan muda mendapatkan pekerjaan sekali-gus menjadikan kehidupan mereka semakin terbeban akibat wujudnya persaingan daripada pihak luar.

"Keadaan ini meningkatkan lagi ruang pengangguran dan saranan supaya belia meneri-

ma TPPA sememangnya tidak boleh diterima," katanya kepada SelangorKini.

Kenyataan itu susulan saranan Ahli Jawatankuasa Kaukus TPP, Datuk Irmohizam Ibrahim bahawa belia perlu membuat persediaan menerima TPPA kononnya sebagai asas untuk lebih berdaya saing.

Manivannan berkata, Kera-jaan Persekutuan gagal menunmpukan kesan jangka pan-jang yang perlu ditanggung belia selepas perjanjian itu dimeterai, awal Februari lalu.

"Sekarang pun ada lebih kurang 250,000 graduan masih menganggur dan kerajaan semudahnya menyarankan golongan ini menerima TPPA.

"Bagaimana nasib mereka selepas ini? Persaingan ini sebenarnya penganiayaan bagi rakyat sendiri," katanya.

Orang luar disusukan, anak sendiri mati kelaparan

SHAH ALAM - Mekanisme baru dalam menangani keperluan pekerja bagi sektor 3D (bahaya, sukar dan kotor) perlu dikaji sebelum berhsrat menggunakan khidmat warga asing.

Bekas Penggerusi Majlis Permuafakatan Mahasiswa Selangor, Muhammad Nawawi Mu-nir Shoib, berkata Kerajaan Persekutuan perlu mengkaji semula gaji pekerja tempatan dan had umur pencen.

"Ramai penduduk tempatan menganggur atau tidak dapat kerja akibat tiada kekosongan jawatan.

"Kemasukan warga asing terlalu ramai memberikan ke-san buruk akibat mereka akan memonopoli industri," katanya kepada SelangorKini.

Nawawi berkata, semua pi-hak juga tidak sepatutnya me-nyalahkan graduan akibat me-milih pekerjaan.

"Rakyat sendiri ramai me-nganggur, rakyat luar yang di-gajikan. Orang luar disusukan, anak sendiri mati kelaparan," katanya.

Terdahulu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Zahid Hamidi mencabar golongan belia melakukan pekerjaan 3D iaitu 'Dirty, Difficult and Dangerous' (Kotor, Sukar dan Berbahaya) jika membantah kemasukan 1.5 juta pekerja asing.

Utamakan pekerja tempatan berbanding kebergantungan warga asing

SHAH ALAM - Kerajaan Perse-kutuan perlu mengurangkan kebergantungan tinggi kepada penggunaan tenaga buruh asing di negara ini, kata Pengarah Biro Pendidikan Politik DAP, Liew Chin Tong.

Katanya, usaha perlu ditumpu-kan kepada melahirkan pekerja berkemahiran dengan tangga gaji tinggi seterusnya meningkat-kan produktiviti.

"Untuk pembinaan, kita ada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) yang ditubuhkan pada 1994 untuk mem-promosikan penggunaan Sistem Bangunan Berindustri (IBS).

"Jika semua pembinaan meng-gunakan IBS, kita tidak memerlukan pekerja tidak mahir, maka permintaan pekerja asing akan berkurangan," katanya dalam ke-yataan pada 16 Februari.

Sebelum ini, Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin me-nyokong tindakan membawa

Mengapa kita ada lambakan pekerja asing dan CIDB gagal? Kerana kroni membuat duit dengan kemasukan warga asing ke negara ini

LIEW CHIN TONG
Pengarah Biro
Pendidikan Politik DAP

masuk 1.5 juta warga Bangladesh bagi memenuhi sektor pekerjaan.

Chin Tong yang juga Ahli Parlimen Kluang berkata, kenyataan Khairy menunjukkan Ketua Pemuda Umno itu berfikiran ce-tek.


"Untuk pengetahuan Khairy, Pangaspuri Pekeliling (kini di-



robohan) dan Rifle Range dibina menerusi kaedah IBS pada tahun 60-an.

"Mengapa kita ada lambakan pekerja asing dan CIDB gagal? Kerana kroni membuat duit dengan kemasukan warga asing ke negara ini.

"Kita semua maklum tahap intelektual (Datuk Seri) Zahid Hamidi, tetapi melihat Khairy kini sama dengannya adalah menyedihkan," katanya.



Peguam Negara jangan lindungi penyelewengan

SHAH ALAM - Peguam Negara digesa untuk tidak melindungi penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa yang berlaku dalam siasatan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Pengarah Transparency International bagi Rantau Asia Pasifik, Sriak Plipat, berkata Malaysia semakin hampir kepada autokrasi dan mengabaikan komitmen menentang rasuah.

Katanya, sikap ditunjukkan Malaysia bertentangan dengan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Mengenai Pencegahan Rasuah dan Pelan Induk Majlis Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN 2025.

"Transparency International menggesa pihak yang memberi maklumat berkenaan salah laku kerajaan diberikan perlindungan.

"Komuniti antarabangsa perlu bersatu memastikan Malaysia bertindak telus terhadap siasatan 1MDB dan tidak melindungi sebarang salah laku," katanya dalam kenyataan pada 16 Februari.

Terdahulu, Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali membayangkan Akta Rahsia Rasmi (OSA) 1972 akan digubal



TRANSPARENCY INTERNATIONAL

Komuniti antarabangsa perlu bersatu memastikan Malaysia bertindak telus terhadap siasatan 1MDB dan tidak melindungi sebarang salah laku

SRIRAK PLIPAT

Pengarah Transparency International Rantau Asia Pasifik

untuk menghukum wartawan yang didapat melindungi atau enggan mendedahkan sumber maklumat.

'KTM problem boss, luah pengguna'

SHAH ALAM - Perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) perlu memperbaiki mutu perkhidmatannya selaras dengan kenaikan tambang.

Pekerja Swasta, Nurul Nabila Zulkifli yang sudah dua tahun menggunakan perkhidmatan itu mempersoalkan perkhidmatan KTMB memandangkan kenaikan tambang sebanyak 100 peratus dikenakan.

Katanya, beliau seringkali tiba lewat ke pejabat ekoran kererosakan kereta api dan terpaksa memanjangkan waktu kerja bagi mengantikan masa lewatnya.

"Kita faham kenaikan disebabkan semua barang makin naik harga, namun KTMB perlu memperbaiki apa

yang sepatutnya memandangkan rakyat terpaksa naik.

"Kelewatan ini menyebabkan kita terpaksa menjawab dengan bos, tetapi adakah bos boleh faham dengan alasan sama?" kongsinya di laman Facebook.

Katanya, berbeza dengan Jepun, kakitangan perkhidmatan awam itu akan menghantar pekerja untuk meminta maaf dan menghantar notis jika berlaku kerosakan.

"Kita tidak minta banyak, tetapi KTMB perlu tahu cara mengendalikan masalah. Sesetengah daripada kita ada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kerja yang perlu dipenuhi," katanya.



Rakyat berkumpul di ibu kota membantah pelaksanaan Akta Hasutan

Mansuhkan Akta Hasutan

GHAH - Gugur semua pertuduhan

SHAH ALAM - Gerakan Hapus Akta Hasutan (GHAH) menyambut baik pengguguran dakwaan hasutan ke atas Pensyarah Undang-Undang Universiti Malaya, Prof Madya Dr Azmi Sharom.

Penyelaras GHAH, Amir Abd Hadi berharap semua tuduhan hasutan yang lain turut dikaji semula serta digugurkan.

"Peguam Negara tidak seharusnya menjadikan pengguguran pertuduhan itu sebagai publisiti untuk beliau menuju kontroversi bersama SPRM berkaitan kes derma Perdana Menteri.

"Beliau mestilah menunjukkan kepada rakyat bahawa beliau ikhlas dalam usaha mereformasikan sistem perundangan," katanya.

Sebelum ini pelbagai pihak mengecam tindakan Kerajaan Persekutuan mengenakan pendakwaan terhadap pimpinan pembangkang dan aktivis politik dengan Akta Hasutan.

tanya dalam kenyataan media.

Katanya, Akta Hasutan tidak relevan untuk digunakan selepas hampir 59 tahun negara mencapai kemerdekaan.

"Ini sudah masanya kita memberikan erti kemerdekaan sebenar buat seluruh rakyat Malaysia.

"Jangan sia-siakan pengorbanan nenek moyang kita untuk mencapai kemerdekaan dengan meneruskan penggunaan akta tinggalan penjajah ini," katanya.

Zuraida berkata, kenyataan angkuh Annuar Musa itu jelas menunjukkan Umno sebagai parti tidak berprinsip dan bakal dikenakan rakyat dalam pilihan raya akan datang.

"Majoriti besar pengundi bukan lagi memilih Umno. Mereka muak dengan pelbagai skandal dan korupsi dibuat Kerajaan Persekutuan sekarang ini.

"Dalam keadaan ini, saya percaya rakyat bangkit dan tidak akan diperbodohkan lagi," katanya.

Peguam Negara tidak seharusnya menjadikan pengguguran pertuduhan itu sebagai publisiti untuk beliau menutup kontroversi bersama SPRM berkaitan kes derma Perdana Menteri

AMIR ABD HADI
Penyelaras GHAH

Bersama UMNO atau tidak? Pilihlah

SHAH ALAM - Ketidaktelusan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menyebabkan hak rakyat dinafikan apabila Umno terus kekal mendbir negara, kata Ahli Parlimen Ampang, Zuraida Kamarudin.

Beliau mendakwa, rakyat tidak lagi bersama parti itu dengan merujuk perolehan undi popular 52 peratus diraih gabungan pembangkang dalam Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) lalu.

"SPR tidak telus dalam melaksanakan proses daftar undi apa-

bila mereka membuat ketetapan tertentu bersifat berat sebelah.

"Mengapa perlu ada pelbagai prosedur sedangkan sepatutnya rakyat sudah boleh mengundi tanpa perlu melalui proses pendaftaran dan pengundian sangat meragukan," katanya kepada SelangorKini.

Beliau berkata demikian susulan kenyataan Ahli Majlis Tertinggi Umno, Tan Sri Annuar Musa bawa rakyat mempunyai pilihan untuk tidak bersama Umno.

Kerjasama strategik Kelantan - KSSB

Usahasama holistik tingkatkan hasil

SHAH ALAM - Delegasi Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kelantan (PTGNK) mengadakan lawatan perkongsian ilmu kepada Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB), pada 11 Februari lalu.

Delegasi terdiri daripada 30 peserta itu diketuai Timbalan Pengarah (Pengurusan), PTGNK, Mat Tuan Soh yang mewakili Pengaroh Tanah dan Galian Kelantan, Datuk Nazran Muhammad.

Tujuan utama lawatan delegasi itu untuk mempelajari ilmu secara praktikal dan memahami prosedur terlibat dalam menguruskan perlombongan bahan batuan terutamanya pasir.

Di samping itu, ia bagi menimba ilmu baru, meneroka peluang perniagaan berpotensi serta bertukar-tukar idea dan pendapat dalam memantapkan lagi pengurusan pasir.

Sesi taklimat itu disusuli lawatan delegasi ke tapak operasi jenis lombong iaitu Hybrid off River Augmentation System ('HORAS'), sebuah projek Kerajaan Negeri membekalkan air mentah daripada sumber air bawah tanah dan sungai kepada muka sauk di Bestari Jaya, Kuala Selangor.

Lawatan disertai Pegawai Daerah Kuala Selangor, Tuan Sham Sul Shahril Badiza Mohd Noorini mendedahkan delegasi kemampuan kontraktor dan keupayaan KSSB melaksanakan projek berkeluasan 400 ekar dalam batas waktu terhad.

Delegasi turut melawat tapak operasi jenis cucigali sungai iaitu Cucigali Sungai Selangor (Asahan) untuk didedahkan berkenaan kaedah pengeluaran dan pemprosesan pasir dengan infra-

struktur berbeza digunakan bagi model perniagaan jenis itu.

Pertemuan dua hala itu men-

datangkan impak dan reaksi positif apabila delegasi PTGNK tertarik menjalinkan kerjasama

dengan KSSB jika konsortium mengurus hasil sumber mineral diwujudkan di Kelantan.



Hobi berbaloi, menang RM40,000

PANTAI REMIS - Sanggup berkorban masa dan wang ringgit bukan suatu yang asing asalkan aktiviti digemari dapat dipenuhi.

Demikian terjadi kepada Mohd Hanafi Abdullah, 36, dari Batu Pahat, Johor yang sanggup merentas sempadan menyertai pertandingan memancing seluruh negara.

"Modal tak boleh nak cakap-lah ekoran saya sentiasa pergi menyertai pertandingan, tetapi modal digunakan memang banyak," katanya kepada SelangorKini selepas menjurau Cabaran Pantai Remis 2016 di sini, pada 14 Februari lalu.

Mohd Hanafi berjaya dengan tangkapkan ikan sembilang seberat 1.32 kilogram yang melayakkan beliau meraih hadiah utama wang tunai RM40,000.

Baginya, kemenangan itu amat bermakna biarpun banyak memenangi pertandingan sebelum ini, tetapi ini kali pertama beliau muncul juara.

"Hadiah kemenangan ini rezeki keluarga dan adik saya yang banyak menyokong



manakala wang ini akan saya gunakan untuk simpanan anak-anak juga perbelanjaan majlis perkahwinan adik saya pada Sabtu ini," katanya.

Mohd Hanifi yang mula memancing pada 2006 berkata, di sepanjang menyertai pelbagai pertandingan, beliau banyak menempuh cabaran bagi memenuhi minatnya itu dan kejayaan pada hari ini amat

disyukuri.

"Saya akan bertanding lagi dan akan ke Melaka selepas ini," katanya berkenaan Cabaran Telok Gong yang dijangka diadakan pada 28 Februari ini.

Pertandingan memancing Cabaran Pantai Remis 2016 berlangsung meriah dengan penyertaan lebih 1,000 peserta dari dalam dan luar negeri termasuk Singapura dan Brunei.

Taja tiket filem Ola Bola bakar semangat sukan

PETALING JAYA - ADN Bukit Lanjan, Elizabeth Wong mempunyai cara tersendiri membakar semangat remaja meminati bola sepak melangkah ke peringkat lebih tinggi.

Hal ini dapat dilihat apabila Elizabeth menaja tiket menonton filem 'pecah panggung' – Ola Bola kepada 40 pelatih Chelsea FC Soccer School (Malaysia), Damansara Damai.

Beliau berkata, tajaan itu diharap dapat mendorong pelatih remaja terbabit menggunakan bakat masing-masing bagi mengharumkan nama negara.

"Diharap pada masa hadapan, pemain daripada Damansara Damai berpeluang dipilih menyertai Pasukan Harimau Malaia.

"Saya juga ingin dorong mereka supaya berlatih bersung-



guh-sungguh dan jangan menyerah kalah," katanya kepada SelangorKini.

Sementara itu, Jurulatih Chelsea FC Soccer School, Abdul Halim Abdullah, berkata filem Ola Bola mampu memberi suntikan motivasi kepada pemain-pemainnya.

"Kami memang komited membangunkan remaja menerusi bola sepak, sekaligus minat ditanam ini dapat mengelakkan remaja terjebak dengan aktiviti tidak bermoral."

"Diharap suntikan motivasi dalam filem itu memberi semangat dan mendidik mereka menjadi insan berjaya lebih-lebih lagi mereka memiliki bakat dan minat dalam bola sepak," katanya.

Beliau berkata demikian sebaik selesai menonton filem Ola Bola bersama 40 pelatihnya di Tropicana City Mall Damansara Intan, pada 13 Februari lalu.

Pengecualian Cukai Taksiran mula dirasai rakyat

PETALING JAYA - Pengecualian bayaran Cukai Taksiran 2016 kepada pemilik rumah kos rendah oleh Kerajaan Negeri ternyata memberi kelegaan kepada golongan terbabit dalam membantu meringankan kos sara hidup.

Peniaga kecil, Zainal Kassim, 52, yang menginap di Pangaspuri Harmoni, Damansara Damai,

berkata penjimatan RM140 hasil pengecualian cukai boleh digunakan untuk menampung perbelanjaan lain.

"Mungkin bagi sesetengah orang, RM140 itu kecil tetapi orang seperti kami yang berpendapatan tidaklah besar ini sangat bermakna, lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi tidak

berapa baik sekarang ini," katanya kepada SelangorKini.

Sementara itu, kakitangan awam, Azahari Md Isa, 38, yang menyambut baik langkah itu mencadangkan supaya Kerajaan Negeri sedia menimba bangunan supaya golongan terbabit diberikan potongan 50 peratus bagi Cukai Taksiran pada tahun berikutnya kerana

"Pengecualian Cukai Taksiran memang baik ekoran rata-rata pemilik rumah kos rendah bukanlah golongan berpendapatan tinggi.

Langkah ini dapat membantu kami meringankan kos sara hidup.

"Saya harap Kerajaan Negeri boleh mengkaji keperluan tawaran potongan 50 peratus untuk tahun berikutnya kerana

caranya dapat menggalakkan pemilik membayar Cukai Taksiran," katanya.

Sebelum ini, Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali ketika membentangkan Belanjawan Negeri Selangor 2016 mengumumkan pengecualian Cukai Taksiran kepada pemilik rumah kos rendah dan rumah kampung.

Ekonomi berkembang pesat

Selangor kekal meyakinkan walau Persekutuan gawat

OLEH NAZLI IBRAHIM

GOMBAK - Keadilan dan ehsan dalam melaksanakan dasar Kerajaan Negeri menjadi kunci utama kemakmuran ekonomi bagi kesejahteraan rakyat.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata hal ini terbukti apabila ekonomi Selangor semakin berkembang pesat ketika ekonomi negara merisaukan banyak pihak.

"Kita mempunyai pelbagai agama, kaum dan budaya tetapi di Selangor kita pastikan dasar yang dilaksanakan ini dapat memberi jaminan keadilan kepada semua kaum, agama dan budaya.



MAIS tawar hartaanah 20 peratus lebih murah

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menawarkan lima projek pembangunan hartaanah wakaf 20 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran semasa.

Projek terbabit adalah UME Teratai Avenue, UME Ehsan Residence di Seksyen 30, di sini serta UME Impian Taman Desa Kenanga, UME Idaman Taman Desa Kencana dan UME Gemersik, Taman Meru Makmur di Klang dengan anggaran kos RM135 juta.

Pengerusi Eksekutifnya, Mohd Azli Md Yusof, berkata tawaran harga lebih rendah itu bagi memastikan produk pembangunan hartaanah wakaf mampu dimiliki orang Islam yang memerlukan.

"Setakat ini lebih kurang 50

"Hasrat dan cita-cita inilah kita lihat walaupun ekonomi Persekutuan semakin gawat tetapi kita bersyukur Selangor terus maju dengan ekonomi meyakinkan pada hari ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina peringkat Parlimen Gombak dan DUN Gombak Setia di tapak UpTown Gombak Setia di sini, 14 Februari lalu.

Beliau berkata, kegawatan ekonomi dan ketidakstabilan politik boleh menimpa Selangor jika pentadbiran Kerajaan Negeri gagal memberi keadilan dan masyarakatnya terjebak dengan permainan

ketegangan kaum dan agama. "Di kawasan Gombak Setia kita ada Hasbullah Ridzwan, walaupun beliau Melayu dan Islam tetapi tidak melupakan tanggungjawab berlaku adil kepada semua kaum dan penduduk Gombak Setia kerana itulah dasar dibawa Kerajaan Negeri," katanya.

Katanya, perpaduan dan keharmonian terjalin dalam kalangan masyarakat majmuk di negeri itu adalah aset terpenting yang tidak ternilai bagi Kerajaan Negeri.

"Kita menjangkakan tahun ini lebih mencabar dengan sasaran pelaburan agak rendah berbanding tahun sebelumnya.

"Selepas pengumuman dibuat, kita menilai setiap aspek dan trend berlaku sepanjang tahun lalu untuk persediaan ekonomi lebih baik," katanya ketika ditemui Selangorkini selepas sidang media di Bangunan Invest Selangor di sini, pada 15 Februari lalu.

Sehingga Jun tahun lalu, nilai

pelaburan Selangor mencatatkan prestasi memberangsangkan dengan nilai pelaburan sebanyak RM4.22 billion.



Hasan Azhari Idris

dengan nilai pelaburan sebanyak RM4.22 billion.

Laman sesawang Invest Selangor Berhad melaporkan, sejumlah RM2.3 billion adalah penyertaan pelabur asing, manakala RM1.92 billion daripada pasaran tempatan.

Sementara itu, tiga negara pelabur asing utama di Selangor kini adalah Jepun, Sweden dan Singapura.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIP/CIDB) dalam Gred Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

BTUTI-BUTIR TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT DAN TARikh DOKUMEN DIJUAL	TARikh TENDER DITUTUP
<p>Tajuk Projek CADANGAN KERJA-KERJA MENEGCAT DINDING BAHAGIAN LUAR DAN KAWASAN GUNASAMA SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI BLOK A DAN BLOK B (520 UNIT) PANGSAPURI SS8 KELANA JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN.</p> <p>No. Kontrak PKNS/UH/T/C/01/2016</p>	<p>KERJA BERKAITAN DI BLOK A DAN BLOK B</p> <p>a) CIDB : Gred G3 Kategori B Pengkhususan B14, Kategori CE Pengkhususan CE21</p> <p>b) Kontraktor mestilah Manufacturer Approve Applicator yang berdaftar dengan pengilang cat JOTUN (Lampirkan Surat Pengesahan)</p>	<p>Bahagian Perolehan Tingkat 7, Menara HPAIC SEKSYEN 13 SHAH ALAM</p> <p>Pada : 18 Februari 2016 Hingga 02 Mac 2016</p>	<p>09 Mac 2016</p> <p>Jam 12.00 Tengahari</p>

1. Satu Taklimat bagi tender ini akan diadakan pada 17 Februari 2016 (Rabu) jam 10.00 pagi. Berkumpul di BLOK A PANGSAPURI SS8 KELANA JAYA, SELANGOR. Kehadiran ke sesi taklimat adalah DIWAJIBKAN.
2. Bayaran Dokumen Tawaran adalah RM106.00 (Termasuk GST 6%) dan hendaklah dibuat dalam bentuk Draft Bank atau Kiriman Wang di atas nama PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (bayaran ini tidak akan dikembalikan).
3. Naskah Dokumen Meja Tawaran boleh disemak di Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor pada waktu pejabat bermula 18 Februari 2016 dari jam 8.30pagi – 12.45 tengahari, 2.15petang – 4.30petang (Isnin-Khamis), 8.30pagi – 11.45 tengahari, 3.00petang – 4.30petang (Jumaat).
4. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada Kontraktor atau wakil yang sah sahaja. Sekiranya pihak Kontraktor ingin menghantar wakil, sila bawa bersama surat perwakilan kuasa. Kontraktor dikehendaki membawa:-

- i) SURAT PERWAKILAN KUASA,
- ii) DOKUMEN ASAL PERAKURATAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) DARI LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB),
- iii) SIJIL PENGIKTIRAFAN TARAF BUMIPUTERA (PKK),
- iv) SURAT PENDAFTARAN GST DENGAN JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA ,
- v) SATU SALINAN bagi setiap Sijil-Sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.

5. Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap disi ke dalam sampul surat bermeterai dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:-

BAHAGIAN PEROLEHAN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR
TINGKAT 7 MENARA HPAIC, LAMAN SERI BUSINESS PARK,
NO.7, PERSIARAN SUKAN SEKSYEN 13,
40100 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN
No. Tel: 03-55201234
<http://etender.pkns.gov.my>

6. Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan. Perbadanan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran lain.

Setahun pemergian Almarhum Nik Aziz Nik Mat

Sebuah kematian mendidik jiwa


Pemergian Almarhum Nik Abdul Aziz Nik Mat bukan kematian biasa, sebaliknya kematian yang mendidik jiwa dan menghidupkan hati. Memugur semangat perjuangan yang lesu.

Pada tanggal 12 Februari 2015, tepat jam 9.40 malam menjadi detik yang diingati seluruh rak-yat apabila Almarhum Nik Abdul menghemuskan nafas terakhir pada usia 84 tahun di Pulau Melaka, Kota Bharu.

Perkara itu disahkan Pakar Neurologi Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Professor Dr. Jafri Malim Abdullah yang juga ketua pasukan perubatan Allahyarham sepanjang dirawat di HUSM Kubang Kerian.

Berita pemergiannya mula tersebar apabila anak Almarhum, Nik Mohamad Abdur memuat naik status di laman Facebook jam 10.00 malam mengesahkan orang tuanya telah pergi untuk selamanya.

Kampung halaman Almarhum menjadi tumpuan



Umur adalah pinjaman daripada Allah SWT, satu masa nanti ia akan ditanya olehNya, lakukanlah yang terbaik untuk masa depan kita di akhirat dengan bekalan yang ada, terima kasih kepada semua pihak yang sentiasa mendoakan saya

**NIK ABDUL AZIZ
1931-2015**

5 MUTIARA KATA PENINGGALAN ALMARHUM NIK AZIZ NIK MAT

1. "Bila kita beragama, dengan sendiri kita merasa di sisi kita ada malaikat memerhati, ada Allah SWT sedang memantau. Keyakinan ini merupakan satu brek untuk kita daripada lakukan dosa. Tanpa keyakinan ini, manusia akan hilang 'brek'. Kalau kereta hilang brek, ia akan terjun gaung, tapi kalau manusia hilang brek, dia akan terjun Neraka."

2. "Kalau kita terjaga di tengah-tengah malam itu, ia sebenarnya satu anugerah daripada Allah. Allah kirimkan malaikatNya mengejutkan kita supaya kita bangun beribadah kepada Allah. Sebagai tanda terima kasih kerana mengejutkan kita, paling malas pun, mintalah apa-apa (berdoa) walau sedikit (meskipun kita masih di tempat tidur) kepada Allah. Kemudian tidurlah."

3. "Audit di dunia mungkin kita boleh melepasinya, namun audit di akhirat nanti jika gagal melepasinya hanya neraka yang menjadi tempat balasannya."

4. "Umur adalah pinjaman daripada Allah SWT, satu masa nanti ia akan ditanya olehNya, lakukanlah yang terbaik untuk masa depan kita di akhirat dengan bekalan yang ada, terima kasih kepada semua pihak yang sentiasa mendoakan saya."

5. "Saintis Barat hari ini berlumba-lumba untuk menjalankan kajian benih tumbuh-tumbuhan. Benih-benih dijaga begitu elok untuk menghasilkan tanaman yang bermutu. Jika benih tumbuh-tumbuhan pun dijaga demikian rupa, kenapa tidak 'benih tamadun' iaitu manusia? Lantaran itu, didiklah anak-anak dengan jaga-jaga iman dan taqwa, kerana dari 'benih' inilah akan lahirnya tamadun ummah, Insya Allah."

AL-FATIHAH...

1550SF • 2887SF HAK MILIK KEKAL

KEHIDUPAN PERANGINAN PERTAMA DI CHERAS

Kondominium

- Diliputi 60% Kehijauan
- Berlanskap 4-ekar Dek Kehijauan
- 2 Kali Ganda dengan Konsep Dwi Kunci
- Dilengkapi 17 Jenis Kemudahan Rekreasi
- Trek Jogging / Denai Hutan 610M
- Kabana Terapung
- Kolam Renang 50M dengan Dek Terapung

*Lesen Peraja: 12382-103-2016/371 (Tempoh Sah: 25/03/2013 - 24/03/2018) • Permit IJAN dan JUJAN: 12382-103-2016/01840 (Tempoh Sah: 14/03/2015-13/05/2018) • PHN Berkasus YMM Muluhan dan Selangor, Negeri Persekutuan Kuala Lumpur • No Kadangkala Peduli: HPS/6714/2013 • Tarikh Penyerahan: Jun 2016 • Pegangan: 414+ • Jenis: ABUC • Harga Minimum: RM7875.00 • Harga Maklumat: RM1,818,810 + 7% Diskaun untuk Bumiputera • Sekatan Keperindinan Tanah: Tiada

MITRALAND

012-3105050 | 012-9897181

menghimpunkan puluhan ribu orang ramai, tokoh agama dan ahli politik bagi menghadiri upacara pengebumian, tanda penghormatan terakhir kepada sang murabbi.

Bagaimanapun, Ketua Umum Keadilan, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak dapat hadir setelah pemohonannya ke majlis pengebumian Allahyarham ditolak pihak berkuasa Penjara Sungai Buloh.

Jenazah Allahyarham dikemburikan di tanah perkuburan pada keesokan hari (13 Februari 2015) dari Masjid Tok Guru.

Mengimbau kenangan menziarahi kubur bersama ayahandanya ketika masih hidup, Nik Abdur berkongsi sekeping gambar di Facebooknya.

Katanya, Almarhum ketika itu sudah membayangkan tanah yang dipijaknya itu sebagai tempat persemadiannya kelak.

"Dulu, sekali sekala kami akan bersama ayahanda menziarahi kubur datuk dan nenek kami. Hari ini kami menziarahi ayahanda di tanah yang sama.

"Kubur adalah tempat ziarah. Semoga rumah kita yang sebenar adalah syurga-NYA yang abadi," katanya.

Kini, genaplah setahun. Seakan cepat masa berlalu, namun pemergian sayu tokoh itu masih segar diingatan.



KOLEKSI HARTANAH PKNS 2016 di SACC MALL, SHAH ALAM

Jangan lepaskan peluang ini untuk memiliki kediaman impian anda dari KOLEKSI HARTANAH PKNS 2016 yang penuh dengan pelbagai pilihan yang memenuhi citarasa anda. Insentif & hadiah menarik menanti anda!

Kunjungi kami
dari 19 Feb - 06 Mac 2016 • 10 pagi - 8 malam

WILAYAH UTARA
Pangsapuri Kos Tinggi

OPAL
RESIDENSI
SEKSYEN 7, SHAH ALAM

WILAYAH UTARA
Rumah Bandar Eksklusif

AQUA VILLA
Bukit Niasagara
Shah Alam



WILAYAH TENGAH
Semi-D Modern
40' x 80'

CASSIA
ANTARA GARI

WILAYAH UTARA
Rumah Link 2 Tingkat

Anggun2
ALAM NUSANTARA
ANTARA GARI
FREEHOLD

WILAYAH TENGAH
Rumah Berkembar 2 Tingkat

AZHARA
ANTARA GARI



WILAYAH TENGAH
Rumah Kluster 2 Tingkat

Citrina 3
BERNAM JAYA



**Dapatkan
Insentif & Hadiah Menarik**



WILAYAH TENGAH
013 939 0310 • 016 251 0113

WILAYAH UTARA
018 243 6285 • 012 236 1154

51 Tahun Membina Komuniti, Memperkasa Kehidupan... Merealisasi Impian

PKNS



www.pkns-property.com

Pelaksanaan Bantuan Rengah Selangor, Belanjawan Jatah Hartanah (Baju) di Alamat Tempat 11, Jalan 3, Tingkat 2, Koperasi PKNS Shah Alam, 40130 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
CPM/1.5.5.1/03/Lan/Lan/2016/200/2016, Tempoh Sukai: 20/01/2016 - 20/03/2017. Pihak Pengurusan Bantuan Rengah Selangor (Baju) dan PKNS Shah Alam melalui Pakar Penasihat, Major Darul Hikmat Perngajar, No.4/5, Jalan 48/20, Seksyen 17/11, Petaling Jaya 46100 Petaling Jaya, Kuala Lumpur. Terdiri daripada 1000 unit rumah bersubsidi bernilai RM 200,000.00 (RM200K) bagi setiap unit rumah. Permohonan dibuka pada tarikh 22 Januari 2016 dan akan berakhir pada tarikh 20 Mac 2017. Bantuan diberikan dalam bentuk pembinaan rumah baru dan berjaya di seluruh Wilayah Persekutuan Selangor. Bantuan ini adalah sebahagian daripada sumbangan kerajaan negara. Wujud bantuan ini merupakan tambahan kepada bantuan yang diberikan oleh ahli bantuan dan bukan merupakan penggantian bantuan kerajaan. Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) dianggap sebagai ahli bantuan dalam pelaksanaan program ini. Major Darul Hikmat Perngajar, No.4/5, Jalan 48/20, Seksyen 17/11, Petaling Jaya, Kuala Lumpur. 46100 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. Kekurangan maklumat dan maklumat teknikal berkaitan dengan bantuan ini boleh mendapat maklumat daripada ahli bantuan atau agensi penjualan bantuan rumah bersubsidi (ABBS).
Agenongan - Sebuah syarikat berdaftar di bursa bantuan dan merupakan ahli bantuan dan ahli bantuan yang memberikan pelaburan pada perniagaan bersubsidi. Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) dianggap sebagai ahli bantuan dalam pelaksanaan program ini.
Suruhanjaya Perbadanan Persekitaran dan Sumber Daya Alam (SPSSD) dianggap sebagai ahli bantuan dalam pelaksanaan program ini.



01
ADN Semenyih, Datuk Johan Abdul Aziz merasmikan pesta Ponggal bersama Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) di Taman Sri Tanjung Semenyih

02
ADN Kajang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail me luangkan masa di Pusat Jagann Al-Fikrah di Kampung Sungai Sekamat, Kajang untuk menyantuni warga emas dan orang kelainan upaya (OKU)

03
ADN Sementa, Dr Daroyah Alwi sempat meluangkan masa bersama kaum wanita beragama Hindu di DUN itu memasak menggunakan 101 periuk bagi meraka perayaan pesta Ponggal

04
Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar beramah mesra bersama penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kerinchir sempena kenduri Wilayah di kawasan itu

05
ADN Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong menggaul Lao Sang yang menjadi makanan tradisi kaum Cina sempena perayaan Tahun Baru Cina di Galeri Sejarah DUN berkenaan

06
ADN Selat Klang, Dr Halimah Ali menziarahi penduduk setempat yang baru menyambut cahaya mata di Kampung Delek

07
ADN Gombak Setia, Hasbullah Ridzwan mengambil peluang menziarahi bekas Ketua Kampung Orang Asal di Hospital Orang Asli Batu 12

08
ADN Sekinchan, Ng Suee Lim menghidangkan makanan kepada masyarakat setempat sempena Majlis Sambutan Rumah Terbuka Tahun Baru Cina 2016 di DUN itu

Q&A

Tidak kira sehebat mana pun kemajuan pembangunan sebuah bandar tetapi apabila menyentuh soal imej bandar, perkara pertama perlu diberi perhatian adalah kebersihan.

Menyedari hal itu dan selaras seperti dititahkan DYMM Sultan Selangor, sebaik sahaja dilantik Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang (MPK), DATO' MOHAMAD YASID BIDIN meletakkan komitmen meningkatkan tahap kebersihan kawasan awam di Klang sebagai matlamat utamanya.

Perkara lain turut diberi perhatian segera menuntut penyelesaian jangka panjang adalah isu kutipan sampah.

Wartawan Kanan SelangorKini, NAZLI IBRAHIM berkesempatan menemubual Mohamad Yasid bagi mengupas tindakan dan cabaran dihadapinya dalam mengatasi kebersihan dan isu lain dibangkitkan penduduk Klang.

Boleh Dato' kongsikan sedikit latar belakang sebelum dilantik sebagai YDP MPK?

Sebelum ini saya bertugas di Pejabat Menteri Besar Selangor sebagai Ketua Setiausaha Sulit kepada Dato' Menteri Besar selama dua tahun setengah. Saya pernah berkhidmat sebagai Pegawai Daerah Kuala Selangor, Kuala Langat dan sebagai Setiausaha Dewan Negeri Selangor.

Sebelum ini Dato' diberi tanggungjawab dengan tugas yang agak berbeza, kali ini diberi sebagai YDP. Bagaimana Dato' melihat keadaan ini?

Saya lihat ini cabaran dan amanah besar dalam karier sebagai Pegawai Tadbir Diplomatik Kerajaan Negeri dengan jumlah kakitangan besar dan peruntukan kewangan yang banyak untuk urustadbir.

Pandangan Dato' berkenaan Daerah Klang? Bagaimana pula pandangan Dato' selepas hampir tiga bulan menjadi YDP?

Masa mula-mula dapat tahu ditukarkan ke Klang, persepsi pertama saya, Klang ini memang teruk seperti persepsi lazim masyarakat sering membangkitkan isu kebersihan di Klang tidak mencapai standard diharapkan atau dengan kata lain Klang ini kotor di bandar dan luar bandar.

Kedua, Klang ada ramai wakil Kerajaan Negeri atau 'penjaga' di sini dengan sembilan Adun berkhidmat. Bila ramai orang,

Kebersihan awam, kutipan sampah jadi keutamaan

Jadikan Klang bandar raya terbersih



Sebenarnya Klang ini sudah bersih tak seperti kita lihat lima atau enam tahun lalu. Banyak perubahan terutama di kawasan protokol atau kawasan kunjungan orang ramai memang terjaga

DATO' MOHAMAD YASID BIDIN
Yang Dipertua MPK

banyaklah pendapatnya. Itu biasa. Jadi kita kena dengar semua dan memenuhi setiap kehendak mereka.

Dua perkara yang pada mulanya saya rasa agak sukar, faktor manusia dan Klang itu sendiri. Tetapi bila sudah duduk kerusi YDP, saya dapat banyak tanggapannya tidak benar. Sebenarnya Klang ini sudah bersih tak seperti kita lihat lima atau enam tahun lalu. Banyak perubahan terutama di kawasan protokol atau kawasan kunjungan orang ramai memang terjaga.

Kita sendiri boleh lihat dengan landaskapnya yang ada,

kemudahan masyarakat seperti Taman Rakyat untuk rekreasi dan juga kemudahan pengangkutan lengkap hampir seluruh Klang.

Berkenaan Adun juga sebenarnya tidak seperti yang saya sangkakan ekoran pendapat mereka berikan itu boleh diadun dan disatukan. Percanggahan pendapat rupanya bukanlah sesuatu yang berat.

Bila kita mesyuarat dengan Ahli Majlis, suara Adun dibawa Ahli Majlis tadi mudah kita selesaikan dan mereka berkerjasama dan membantu selesaikan masalah.

Ini berbeza pada sebelumnya, ada rakan saya bergurau, katanya

siaplah kau nak jaga Adun, Exco dan Ahli-ahli Majlis. Tetapi bila dah duduk sini tiga bulan, bercampur gaul dan mengenal mereka, perkara itu tidak berlaku sama sekali. Malah mereka sudi dengar pandangan kita dan akur peraturan yang ada dalam MPK ini.

Sebagai YDP baru, mungkin Dato' ada idea atau visi jangka pendek dan jangka panjang untuk MPK. Boleh Dato' kongsikan?

Untuk rancangan jangka pendek, saya mahu organisasi MPK bersatu padu dan saling

bekerjasama satu sama lain. Kaitangan di MPK termasuk Ahli Majlis ini ada rasa bekerja dengan gembira. Maksudnya dia suka pergi kerja. Kita tak nak mereka rasa bosan bila pergi kerja dengan perasaan takut kena marah. Saya tak nak ada perasaan itu.

Dalam jangka pendek ini, saya mahu semua pekerja dapat beri komitmen dan tanamkan dalam diri mereka, bahawa mereka kalah yang bertanggungjawab menjaga imej MPK memandangkan rezeki yang diberi pada keluarga adalah hasil gaji dari MPK.

Rancangan jangka pendek

untuk bandar Klang ini pula, saya nak lihat perubahan drastik dari segi kebersihannya. Betul-betul nampak bersih sampai orang puji dan Klang menjadi contoh.

Contohnya, bila kamu pergi ke pekan Klang Utara atau pun Pasar Meru yang walaupun buruk tetapi bersih dan teratur. Itu jangka pendeknya. Saya nak tanggapan negatif terhadap kebersihan di Klang ini terhakis sampai ada orang berkata bila YDP baru ini masuk Klang tidak kotor lagi. Inilah objektif jangka pendek saya.

Dari segi jangka panjangnya pula, saya mahu Klang menjadi sebutan sama ada sebagai tempat yang bersih, teratur dengan kemudahan awam yang lengkap dan tempat pelancongan.

Bila beracak berkenaan kebersihan, kita dapat lihat negara jiran, Singapura menjaga kebersihan dengan menggunakan ketegasan penguatkuasaan undang-undang tetapi kita di Malaysia ini masih beracak tentang mendidik. Sampai bila kita hendak mendidik sebelum penguatkuasaan tegas boleh dijalankan?

Penguatkuasaan tegas adalah langkah akhir. Saya tidak setuju penguatkuasaan sebagai langkah utama. Manusia boleh dididik dan dibentuk dengan contoh teladan betul.

Dalam isu kebersihan misalnya, kalau tempat itu sudah memang bersih, saya tak fikir ada orang suka-suka nak buang sampah. Kalau tempat itu bersih dan ada kemudahan, bila nak buang sampah mereka akan segan dan mencari tong sampah.

Kalau tempat itu memang banyak sampah, berselerak macam pasar malam, mereka tidak akan segan buang sampah. Sebaliknya, jika tempat itu memang bersih walaupun tiada penguatkuasaan, adakah mereka

berani nak buat sampah?

Di pasaran juga, mengapa orang ramai tidak buang sampah padahal tiada pengawal keselamatan atau penguatkuasa tangkap kalau buang sampah. Ini kerana ikutan. Mereka tengok orang lain tidak buang sampah merata-rata dia pun tak buang.

Cabar yang mungkin Dato' akan hadapi untuk merealisasikan visi Dato' itu?

Cabar utama adalah dari segi kosnya susulan ia banyak memainkan peranan. Kita di PBT kena cari duit sendiri. Bukan ada bantuan mana-mana pihak. Banyak mana kita ada duit, banyak itulah kita boleh belanja. Kalau ada duit cukup, InsyaAllah apa yang dirancang boleh dilaksanakan. Ini cabaran pertama.

Cabar kedua adalah usaha mengubah mentaliti rakyat berkenaan kebersihan sebab itulah saya minta mereka ini sedikit demi sedikit bersihkan sendiri seperti di Pasar Besar Meru.

Hari pertama saya pergi ke pasar itu, memang memalukan dengan sampah banyak dan kotor di bawah meja dan tempat laluan pejalan kaki tetapi dalam masa dua bulan, saya berjaya tukar keadaan pasar ini lebih bersih tanpa penguatkuasaan MPK.

Buktinya, semasa saya buat serbuhan di tempat sama untuk tangkap daripada lebih 400 peniaga yang kita periksa mengejut, hanya dua orang yang kena sedangkan serbuhan itu kita buat secara rahsia, serbu dan terus tangkap tetapi dapat dua orang sahaja yang tidak menjaga kebersihan.

Cabar lain dalam isu-isu tertentu yang menjadi keutamaan Dato' untuk diselesaikan?

Saya tidak mahu buat banyak pada masa ini, cuma mahu bersihkan Klang sejarah dengan titah Tuanku Sultan Selangor



'I want you to keep Klang clean'

Bagaimanapun, kita buat juga usaha lain seperti menaikkan Klang sebagai destinasi pelancongan dengan jawatankuasa khas berkaitannya. Kemudahan taman juga kitakekalkan dan tambah taman tetapi keutamaan saya adalah kebersihan. Lampu jalan pula kita buat ikut keperluan. Kalau kebersihan sudah capai tahap sepatutnya, barulah kita beralih kepada sektor lain.

Satu lagi cabaran besar di Klang ini, paras tanahnya lebih rendah dari permukaan laut

**Saya tidak mahu buat banyak pada masa ini, cuma mahu bersihkan Klang sejarah dengan titah Tuanku Sultan Selangor
*'I want you to keep Klang clean'***

lebih kurang satu meter dan ini dah disahkan dan risiko mudah berlaku banjir kilat itu tinggi. Bila hujan lebat sahaja dan bertembung dengan air pasang, *flood gate* kita tidak boleh buka menjadikan air bertakung sementara. Bila air surut, barulah kita boleh buka *flood gate* untuk lepaskan air bertakung tadi. Inilah yang berlaku.

Begitu juga dengan isu iklan haram, ia seperti cukur janggut, cukur hari ini, esok sudah tumbuh balik. Paling susah yang pakai gam sebab nak tanggalkan sehelas itu ambil masa, bukan main cabut sahaja tetapi kena kikis.

Iklan haram yang digantung, penguatkuasa ditugaskan menanggalkannya apabila terjumpa semasa meronda. Kita

ada buat tangkapan mereka yang pasang tetapi kita boleh beri amaran lisan sahaja sebab mereka bukan lakukan kesalahan jenayah. Setakat ini, saya belum ada idea bagaimana mahu atasi masalah ini.

Begitu juga dengan kecurian harta benda awam. Kita sudah sediakan tiang lampu, mereka curi penutup dan wayarnya. Bila satut wayar lampu dicuri, sebaris lampu jalan itu terbakar.

Kos baiki lampu tinggi dengan purata satu lampu RM250, jika sebaris lampu sepanjang jalan memerlukan kos sekitar RM19,000 hingga RM20,000. Itulah yang menyebabkan kita tunggu sehingga 10 lampu rosak barulah kita buat.

Nasihat Dato' kepada masyarakat di Klang?

Nasihat saya kepada orang ramai, ikutlah peraturan. Jangan buang sampah merata-rata dan tanamkan sikap mementingkan kebersihan supaya kita dapat hidup dalam persekitaran bersih dan mengelakkan penyakit.

Begitu juga dengan peraturan lain, seperti tidak meletak kenderaan di tempat yang tidak dibenarkan dan terutamanya kesalahan berat seperti mencuri dan merosakkan kemudahan awam. Kalau kita ikut peraturan, InsyaAllah kehidupan kita akan jadi lebih baik.





MAGLIR ASPIRASI SENI 1.0

- CABUTAN BERTUAH
- BOOTH JUALAN ARTIS
- SOOPA DOOPA
- PHOTO BOOTH

2.00 PM
GAS Acoustic Battle

Penampilan Istimewa :
Ijam Medicine
Nizam Laksamana
Man John

5.00 PM
Santai Kopitiam

"Penggiat Seni Sebagai Agen Perubahan"
Penampilan Istimewa :
Ustaz Ros Izanuri
Hafiz Hamidun
Imam Muda Fakhrul
Yynn Jamal
Soutul Amal

9.15 PM
Bicara Seni

"Seni Islam Mewarnai Dunia Hiburan"
Penampilan Istimewa:
Ustaz Halim Hafidz, Ustaz Norhafizah Musa,
Adlin Shauqi, Yana Samsudin, UMC, Zuar
XPDC, Wadi El-Jadid, Caliph Buskers,
Ustaz Robiatul Adawiah, Ustaz Sh. Zahidah

Bertempat Di
KOMPLEKS BELIA & KEBUDAYAAN
DEWAN RAJA MUDA MUSA, SHAH ALAM, SELANGOR

3.079604, 101.492876

20 FEB 2016 | 12.00 PM - 12.00 AM

Anjuran Bersama



HIJRAH Tanjung Karang

806 usahawan terima bantuan niaga RM4.1juta

TANJUNG KARANG – Seramai 82 usahawan di Parlimen Tanjung Karang menerima bantuan modal pinjaman HIJRAH Selangor bernilai kira-kira RM385,000 dalam bentuk bau-car.

Pengerus Cawangan HIJRAH Tanjung Karang, Mohd Razali Abdul Razak, berkata usahawan terbabit adalah sebahagian daripada 806 usahawan yang mencuburi pelbagai bidang perniagaan seperti makanan, kedai runcit, pertanian dan produk kesihatan.

"Sejak mula dilancarkan sehingga kini, HIJRAH Tanjung Karang menyalurkan pinjaman

RM4.1 juta dengan jumlah pinjaman antara RM1,000 hingga RM50,000 bergantung kepada perniagaan diceburi serta keupayaan peminjam untuk membayar balik," katanya ketika berucap dalam satu majlis di Balai Raya Kampung Melaka, Bagan Tengkorak, baru-baru ini.

Hadir sama, Yang Dipertua PAS Tanjung Karang, Nor Az Azlan Ahmad dan Pengerusi Lajnah Kebajikan dan Kemasyarakatan PAS Tanjung Karang, Norsidah Samat.

Sementara itu, Nor Az Azlan menyenyar semua rakyat Selangor merebut peluang memohon insentif ditawarkan Kera-

jaan Negeri seperti HIJRAH dan bantuan lain di bawah program Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor (MES).

"Penubuhan HIJRAH adalah antara usaha kerajaan di bawah Pakatan Rakyat meningkatkan tahap ekonomi rakyat melalui pinjaman mudah, sekaligus membawa rakyat keluar daripada garis kemiskinan," katanya.

Nor Az Azlan turut mengingatkan usahawan HIJRAH berusaha bersungguh-sungguh dalam bidang perniagaan diusahakan dan berdisiplin untuk membuat bayaran balik pinjaman mengikut jadual ditetapkan.



HIJRAH mampu memberdayakan usahawan baru dan meningkatkan lagi taraf ekonomi rakyat Selangor

01 | 3 PERKHIDMATAN DALAM 1 URUSNIAGA

Konsep tabungan dalam pinjaman, sambil pinjam sambil menyimpan di mana setiap usahawan yang membuat pinjaman diberikan menabung setiap minggu ke dalam simpanan Wang Simpanan mingguan ini, akan diburukkan ke dalam Koperasi Warga Hijrah Selangor (KoHiJAH) dan kesuntingan pelaburan dan manfaat dinikmati oleh usahawan.

02 | KHIDMAT & BIMBINGAN KAUNSILING ANAK CEMERLANG

Pengurusan profesional membebaskan bimbingan dan kaunseling kepada anak-anak usahawan untuk menjadi cemerlang dalam akademik, spiritual dan kemandirian.

03 | KHIDMAT RUNDING PENGURUSAAN PERNIAGAAN

Khidmat nasihat dan bimbingan meliputi bidang pengurusan kewangan, kaedah pemasaran, tadbir urus perniagaan dan motivasi berterusan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan ke arah pembangunan usahawan dan perniagaan.

04 | URUSAN INSURAN TAKAFUL PINJAMAN

Pinjaman Hijrah Selangor dilindungi oleh takaful pinjaman bertujuan sebagai perlindungan kewangan terhadap baki pinjaman yang belum dibayar sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal keseluruhan kepada peminjam.

05 | TAWARAN SKIM HIJRAH SELANGOR JANGKA PANJANG

Hijrah Selangor menawarkan pinjaman untuk tempoh bayaran balik 6 bulan, 1 tahun, 2 tahun dan 3 tahun bergantung kepada keupayaan pembiayaan. Malah usahawan dengan disiplin kredit yang memuaskan akan ditawarkan nilai pinjaman yang lebih tinggi sehingga RM50,000.

06 | BAYARAN MINGGUAN TIDAK MEMBEANKAN

Kutipan bayaran dibuat secara mingguan oleh pegawai Hijrah Selangor di premis perniagaan bagi memberi kemudahan kepada usahawan yang sulit dengan urusan perniagaan seharian. Ini menggalakkan interaksi dan hubungan baik antara pegawai dan usahawan.

07 | MUDAH UNTUK MEMOHON DENGAN SYARAT MINIMUM

Permohonan Pinjaman Perniagaan Hijrah Selangor memang mudah kerana lamanya tidak memerlukan penjamin, cukup sekadar mengisi borang dan menyertakan dokumen lengkap serta memenuhi syarat kelayakan minimum.

08 | KELULUSAN SEGERA

Proses kelulusan mengambil masa 10 hari bekerja, tertakluk kepada termas dan syarat serta penerimaan butiran maklumat dan dokumen-dokumen yang lengkap.

09 | PELUANG PERNIAGAAN & JARINGAN USAHAWAN

Program Hijrah Selangor melalui Koperasi bertanggungjawab mewujudkan peluang-peluang perniagaan yang baharu serta menjadi platform jaringan perniagaan yang kukuh untuk manfaat bersama dalam pengembangan perniagaan usahawan.



HIJRAH SELANGOR

9 SEBAB KENAPA PERLU SERTAI PROGRAMINI TERBUKA UNTUK SEMUA KAUM

Mudah, cepat dan tidak membebankan

www.hijrahselangor.com

Perangi denggi

Lima minit boleh selamatkan nyawa

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Penduduk digesur turut sama memainkan peranan mencegah penularan wabak denggi di Seksyen U8.

Ahli Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Tengku Ahmad Tengku Kasim, berkata antara langkah boleh dijalankan adalah meluangkan masa lima minit setiap hari memeriksa takungan air.

"Tak payah sepuluh minit, lima minit daripada 24 jam pun cukup rasanya menyelamatkan nyawa.

"Bayangkan sebanyak 131 kes denggi dicatatkan dalam tempoh dua bulan setengah dan ia tidak pernah berlaku dengan dua lorong sahaja boleh capai sehingga-

ga 50 kes," katanya kepada SelangorKini.

Terdahulu, beliau yang juga penduduk di situ menyertai pasukan Task Force Denggi MBSA melakukan pemeriksaan pembiakan Aedes rumah ke rumah.

Turut berkongsi pandangan sama, Adi Ibrahim, 37, berkata faktor kawasan pembinaan baru mungkin menjadi punca peningkatan luar biasa kes denggi di kawasannya.

"Tindakan MBSA menjalankan operasi seperti ini harap dapat diteruskan dari masa ke masa termasuk di tapak pembinaan.

"Semua pihak perlu memainkan peranan mengikut bidang kuasa masing-masing dalam menangani denggi ini," kata Eksekutif Pemasaran itu.



Tengku Ahmad



Gempur Aedes rumah ke rumah

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) memeriksa kawasan rumah kosong dan rumah tinggal dalam usaha memerangi pembiakan nyamuk Aedes.

Timbalan Setiausaha, Rosli Bakar, bagaimanapun berkata pihaknya akan maklumkan terlebih dahulu kepada mana-mana pemilik berkenaan.

"Kita tidak boleh memasuki kawasan rumah yang tidak berpenghuni sembarangan kerana ia menyalahi undang-undang.

"Kita meminta kebenaran dahulu memandangkan pemeriksaan itu penting dijalankan kerana premis sebegini berpotensi menjadi kawasan pembiakan Aedes," katanya.

Terdahulu, beliau menyertai 34 pasukan Task Force Denggi menjalankan pemeriksaan rumah ke rumah di sekitar Seksyen U8 bermula jam 9 pagi.

Hadir sama, Adun Kota Anggerik, Dr Yaacob Sapari dan wakil persatuan penduduk.

Bermula 29 Oktober 2015,

Kita meminta kebenaran dahulu memandangkan pemeriksaan itu penting dijalankan kerana premis sebegini berpotensi menjadi kawasan pembiakan Aedes

ROSLI BAKAR

Timbalan Setiausaha
MBSA

sebanyak 131 kes demam denggi dicatatkan di sekitar kawasan itu sehingga kini.

Sekjak awal 2016, sebanyak 2,744 premis diperiksa di Shah Alam selain 97,895 premis menerima semburan (fogging).

Dalam tempoh sama, sebahagian 88 kompaun atas kesalan membiak jentik-jentik Aedes dikeluarkan dengan kadar RM500 setiap satu.

Pasukan PANTAS MBPJ segera alih pokok tumbang

SHAH ALAM - Pasukan PANTAS Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bertindak segera mengalihkan pokok tumbang di Jalan Damansara Utama SS 21/35, pada 5 Februari lalu.

Menurut laman Facebook MBPJ, Kontraktor Landskap pihak berkuasa tempatan (PBT) itu bergegas ke tempat lokasi mengalihkan pokok tumbang sejurus menerima aduan.

Aduan diterima daripada pe-

MBSA giat menjalankan Operasi Pecah tanjakan yang disalahgunakan bagi tujuan perniagaan.

14 premis bina tanjak haram diserbu

SHAH ALAM - Sebanyak 14 premis perniagaan dikenakan tindakan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dalam Operasi Pecah Tanjakan (Ramp) akibatnya menyalahgunakan tempat letak kereta bagi tujuan perniagaan.

Pegawai Komunikasi Korporatnya, Shahrin Ahmad, berkata MBSA menggunakan sebuah jentera 'excavator' untuk menanggalkan tanjakan terabit.

"Tujuh premis di Seksyen 31 dan tujuh buah premis lagi di Seksyen U3 dikenakan tindakan ekoran membina tanjakan

(ramp) tanpa kebenaran MBSA.

"Penggunaan tempat letak kereta tanpa kebenaran untuk tujuan perniagaan adalah satu kesalahan di bawah peruntukan Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133)," katanya dalam kenyataan.

Shahrin berkata, operasi itu melibatkan 15 orang kakitangan daripada Seksyen Pengurusan Hasil, Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Pengukuasaan.

"Pemilik premis yang ingin menggunakan tempat letak kereta bagi tujuan perniagaan perlu membuat permohonan

sewaan petak khas terlebih dahulu.

"Gagal berbuat demikian, tinjakan tegas termasuk memehahkan tanjak akan dikenakan," katanya.

MBSA mengenalpasti 20 kategori perniagaan yang boleh memohon sewaan tempat letak kereta khas, antaranya kedai membaiki dan menjual aksesori kereta serta motosikal, ruang pameran kereta/motosika, kedai menjual perabot, klinik, pasaraya atau kedai runcit yang memerlukan ruang pemunggahan barang dan sebagainya.

ngadu bernama Maria berkenaan pokok tumbang menghempap sebuah kereta Proton di hadapan Pusat Kesihatan Jalan Damansara Utama, berhadapan pondok polis pada 4 Februari lalu.

Orang ramai yang ingin melaporkan aduan kejadian pokok tumbang, banjir atau tanah runtuh boleh menghubungi di talian hotline MBPJ 03-79542020 atau layari <http://eps.mbpj.gov.my/>

Sri Muda rai 56 pemimpin, kenang jasa tujuh tahun

SHAH ALAM - Seramai 56 pemimpin DUN Sri Muda diraikan dalam Majlis Penghargaan dan Terima Kasih sesi 2008-2015.

Majlis Penghargaan itu membabitkan Ahli Majlis, Ketua Kampung, Pengurus Penggerak Belia Tempatan (PeBT) dan Penyelia Pusat Wanita Berdaya (PWB).

ADN Sri Muda, Shuhaimi Shafeei, berkata warga Sri Muda terhutang budi terhadap jasa bakti pemimpin yang dirai dalam menyemai bakti kepada penduduk sekitar.

"Tanpa sokongan dan usaha mereka sudah tentu sukar dilaksanakan lebih lagi DUN Sri Muda di bawah tiga pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK).

"Tujuh tahun kejayaan di DUN Sri Muda dibantu pemimpin ini,

begitu juga dengan program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES), katanya pada majlis yang berlangsung di Dewan N'Dah, pada 14 Februari lalu.

Hadir sama, Ahli Parlimen Kota Raja, Dr Mariah Mahmud.

"Hari ini adalah khusus untuk menghargai jasa mereka yang mencerai bakti kepada pembangunan serta warga Sri Muda tanpa berbelah-bahagi selama ini.

Beliau berkata, pemimpin dan pegawai kerajaan silih berganti menabur bakti, namun penduduk di sini masih mampu bertahan mengekalkan sifat positif termasuk memberi kerjasama baik dalam segala urusan dijalankan dan berharap terus kekal menjadi budaya hidup penduduk.

Mereka diraikan dalam majlis itu terdiri daripada 16 orang Ahli Majlis PBT, tujuh ketua kampung, 17 Pengurus PeBT, tiga Penyelia PWB dan 13 kakitangan Pejabat DUN Sri Muda.



Jangan hanya harap PBT

Peniaga pasar perlu jaga kebersihan

KLANG - Masyarakat Klang terutama golongan peniaga perlu menerapkan aspek kebersihan dalam diri bagi memastikan kawasan perniagaan bebas dari kekotoran.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang (MPK), Dato' Mohamad Yasid Bidin, berkata kesedaran itu harus menjadi pegangan asas peniaga dan tidak hanya mengharapkan pihak berkuala tempatan (PBT).

Katanya, peniaga perlu bekerjasama menjaga kebersihan

dan tapak perniagaan masing-masing bagi menjaga imej mereka terhadap pelanggan.

"Walaupun MPK meletakkan kakitangan di pasar untuk memastikan tahap kebersihan, namun kami memerlukan kerjasama peniaga supaya tidak membuang sampah merata-rata.

"Tindakan tegas akan dikenakan jika ada peniaga tidak memberi kerjasama, namun kesedaran dalam diri peniaga itu lebih penting," katanya dalam kenyataan pada 16 Feb-

ruari lalu.

Pada masa sama, Yasid berkata, sikap menjaga kebersihan harus wujud dalam diri peniaga, bukannya disebabkan takut dikenakan kompaun atas kesalahan dilakukan.

"Sikap menjaga kebersihan di ruang niaga masing-masing sangat penting bagi mengelak jangkitan penyakit yang boleh menjadikan kesihatan pengunjung di samping mewujudkan suasana ceria di pasar berkenaan," katanya.

Kontraktor sampah perlu profesional

KLANG - Kontraktor berminat membida tender kontrak kerja kutipan sampah dan kerja lain ditawarkan Majlis Perbandaran Klang (MPK) dinasihatkan mengemukakan harga bidaan sebenar.

Yang Dipertua MPK, Datuk Mohamad Yasid Bidin, berkata sebaliknya majoriti pembida gharah memenangi kontrak ditawarkan hingga meletakkan harga di bawah kos sebenar yang bakal mereka tanggung.

Beliau berkata, ia menyebabkan pemenang tender tidak dapat melaksanakan tanggungjawab seperti dalam perjanjian tarawan kerja.

"Tidak timbul isu MPK bayar tidak cukup, harga ini bukan kami letak tetapi mereka sendiri letak.

"Saya dah semak, hampir semua 80 kontraktor pembersihan kita ada masalah sama sebab mereka sendiri kira harga tidak betul. Mereka letak harga rendah sebab hendak dapat kontrak.

"Sistem 'cut off' boleh berjaya sekiranya kontraktor profesional, masuk tender dengan harga betul dan buat kerja betul dan cara ini akhirnya dapat harga tepat bukan semata-mata mahu dapatkan projek," katanya kepada SelangorKini baru-baru ini.

Katanya, semakan beliau mendapat terdapat kontraktor yang membida tawaran kerja pada harga hanya separuh daripada harga kos sebenar mereka.

"Perata mahu gerakkan sebuah lori sampah untuk sehari kira-kira RM600 tetapi tender yang



Penguatkuasa merampas pelbagai jenis barang.

Op bersepadu gempur premis judi online

KLANG - Seorang lelaki warga tempatan dan enam warganegara asing antara ditahan Polis dalam Op Bersepadu bersama Penguatkuasa Majlis Perbandaran Klang (MPK), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) daerah Klang di sini.

Serbuan itu diketuai Pegawai ASP Sobri Bakri dan Insp Azrul Izwan Abdul Latif memeriksa 13 premis dipercayai menjalankan

kegiatan perjudian atas talian (online).

Sebanyak 251 set komputer, 47 set komputer riba, 13 modem serta sejumlah wang tunai dirampas dan tindakan memotong bekalan elektrik dan air juga dilakukan serta-merta.

Kesemua ditahan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah Klang Selatan dan kes disiasat di bawah Seksyen 4B(a) Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

mereka masuk, ada yang letak harga RM250, lori pun tak lepas dan paling tinggi kita anggarkan lebih kurang 75 peratus atau tiga suku daripada kos sebenar.

"Ini belum masuk lagi kalau kita minta dia guna jentera seperti jengkut atau katakan dia tak dapat kutip habis satu pusingan, kita minta dia kutip lagi satu pusingan, kos dia bertambah, memang dia tak boleh buat dengan bayaran RM250," katanya.

Katanya, kegagalan kontraktor meletakkan sebut harga sebenar bukan sahaja menyebabkan kerja tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna, malah menyebabkan mereka diberi amaran sebelum kontrak dibatalkan.

Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS)

Lebih 20,000 terima manfaat

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Lebih 20,000 anak negeri ini menerima manfaat Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS) sejak diperkenalkan pada 2012.

Pegawai Operasi TUNAS, Abdul Mutalib Islan, berkata keseharian ibu bapa terutama dalam kalangan golongan muda menyumbang kepada peningkatan pendaftaran dari tahun ke tahun.

Katanya, peningkatan itu meliputi ibu bapa di kawasan bandar dan luar bandar.

"TUNAS kini menjadi keperluan dan bukan lagi pilihan buat mereka terutama dalam menghadapi kos sara hidup."

"Skim ini pastinya membantu ibu bapa menyediakan pendidikan awal buat anak-anak secara percuma," katanya kepada SelangorKini.

Setakat 15 Februari 2016, se-



banyak 9,000 permohonan baru berserta 5,000 permohonan semula TUNAS diterima.

Mutalib berkata, proses semakan, penilaian dan kelulusan sedang giat dilaksana sehingga penghujung Mac 2016.

Pada 2015, seramai 8,968 orang menerima bantuan TUNAS

di seluruh Selangor.

TUNAS menyediakan bantuan yuran sebanyak RM50 setiap bulan kepada kanak-kanak tadika yang layak.

Ia diberikan dalam bentuk yuran dan disalurkan terus kepada tadika berdaftar dengan Majlis Permuafakatan Tadika Selangor.

Sekolah perlu sensitif isu beli buku tambahan

SHAH ALAM - Pihak sekolah perlu sensitif dengan keadaan ibu bapa yang semakin tertekan susulan kenaikan kos sara hidup sebelum mengambil keputusan membelitkan pelajar.

Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata setiap keperluan pelajar perlu diteliti kegunaannya sebelum diutarakan.

Katanya, ibu bapa terbeban dengan pembelian pelbagai jenis buku, namun jika ia tidak penting sudah tentu ibu bapa akan melemping.

"Jika memang perlu dibeli, ia boleh dibincangkan dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) terlebih dahulu bagi mengelakkan sebarang perkara di luar kawalan."

"Bagi saya, pihak sekolah perlu sensitif dalam hal ini dan me-

ngambil langkah bijak serta menggunakan keperluan penting sahaja," katanya kepada SelangorKini.

Sebelum ini, kira-kira 50 ibu bapa dari Seri Kembangan melarirkannya rasa tidak puas hati berkenaan isu pembelian buku kerja yang tidak diguna dan dipraktikan di sekolah.

Lebih menggejaskan apabila pihak sekolah menjelaskan, buku kerja itu untuk pemantauan ibu bapa mengajar anak di rumah.

Mereka mendakwa mustahil ibu bapa mengajar murid menggunakan sistem Kemahiran Berfikiran Aras Tinggi (KBAT) sedangkan pihaknya diberitahu, guru juga baru dihantar kursus berkenaan.

Selain harga mahal berbanding kedai di luar, keadaan itu meningkatkan kos perbelanjaan ibu bapa.

PMG pikat ratusan pelajar

SHAH ALAM - Seramai 191 peserta menyertai Perkampungan Menara Gading Selangor kali ke 16 (PMGS'16) yang diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) baru-baru ini.

Penutupan PMGS'16 disempurnakan Ahli Lembaga Pengaruh Institut Darul Ehsan (IDE), Prof Dr Shaharuddin Badaruddin.

Shaharuddin berharap pelajar peka terhadap dunia masa kini yang kian mencabar selain dapat menggarap segala ilmu yang dicurahkan untuk diaplikasi sebaiknya ketika bergelar mahasiswa kelak.

Program empat hari itu membabitkan slot menarik iaitu Le Tour De Campus, Eksposis, Konvensyen Siswa, forum, ceramah, motivasi dan juga sesi berkongsi pengalaman.

Hadir sama Yang Dipertua ABIM Selangor, Radin Mohd Imaduddin dan Presiden Persatuan Kebajikan dan Pendidikan Islam Selangor dan Wilayah Persekutuan (PEPIAS), Mohamed Azlan.

Selain itu, peserta berpeluang menyerlahkan bakat dan potensi kepimpinan mereka di dalam program itu.

PMGS '16 melakar sejarah istimewa bagi PEPIAS apabila ia mendapat penyertaan teramai sejak ia diadakan.

Sementara itu, laman Twitter rasmi PMGS 2016 memuatnaik beberapa status berkenaan program itu.

Antaranya, Kumpulan UPSI yang dianggotai 10 orang ahli kumpulan mengakhiri program dengan melakar keputusan membanggakan mengatasi kumpulan lain dengan menjadi johan keseluruhan.

"Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menjayakan program ini. Jumpa lagi tahun 2017!!."

"Saya dapat mendengar dan melihat secara live tentang tugas, projek, dan juga subjek berkenaan bidang yang saya minat" kata peserta, Lukman.



Sebarang pertanyaan hubungi Bahagian Cawangan Mekanikal, Seksyen 17, JKR Negeri Selangor. No. Tel: 03-55190352

Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat tender yang diwajibkan, hanya PENAMA yang tercatat di dalam sijil PKK,SPKK,PUKONSA atau UPKJ sahaja yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang pos di atas nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil Kontrak yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikendalikan membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftraan Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinan Malaysia serta Sijil Taraf Bumiputra yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (Jika Berkenaan) berserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikendalikan membawa perakuan/sijil ASAL Perakuan Pendaftraan PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputra (jika berkenaan)

*Jenis Syarikat T1 - Syarikat 100% ekuiti Bumiputra milik tempatan (Warganegara)
Tempatan:

A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengaruh, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.

A2 - Syarikat Usahamasa yang diperbadankan di Malaysia dan equiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengaruh, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

PWB Kota Anggerik

Latih wanita urutan refleksologi

OLEH SYASYA SUFIAN

SHAH ALAM - Seramai 20 peserta wanita menyertai Program Urutan Refleksologi anjuran Pusat Wanita Berdaya (PWB) Kota Anggerik pada 6 Februari lalu.

Menurut laman facebook PWB Kota Anggerik, program berkenaan dibuka kepada semua wanita berusia 21 tahun ke atas bertempat di Dewan Jati, Seksyen 16 di sini.

Rawatan itu sesuai untuk masyarakat umum khususnya wanita yang sering berasa penat dan lesu disamping mengenalpasti sistem pada tubuh badan mereka.

"Sebenarnya, semua toksin yang tidak dapat dinyah keluar daripada badan berkumpul pada kaki, jadi apabila urutan dibuat, toksin akan mengalir dan keluar melalui sistem perkumuhan."

"Kami ingin berkongsi kebaikan ini bersama wanita ekoran ia memberi banyak manfaat untuk diri dan juga keluarga," katanya.

Katanya, program itu juga bertujuan memberi pendedahan kepada orang ramai berkenaan teknik urutan kaki dan kesihatan sistem badan manusia.



Guna sabun gubah bunga jana pendapatan

SHAH ALAM - Pusat Wanita Berdaya (PWB) DUN Batang Kali giat menganjurkan pelbagai program membantu wanita menjana pendapatan sampingan melalui bengkel kraftangan membuat bunga menggunakan sabun.

Program bermula seawal jam 8.00 pagi hingga 1.00 tengah hari itu dianjurkan bertempat di Balai Kampung Genting Malik, Taman Gentering Permai Batang Kali pada 20 Februari ini.

Penyelia PWB DUN Batang Kali, Siti Nurul Asyikin Mohd Noor, berkata beliau mensasarkan lebih 40 wanita suri rumah, ibu tunggal, belia yang masih mengangur mahupun yang sudah bekerja untuk menyertainya.

"Bengkel itu bertujuan membantu mereka menambah pendapatan melalui hasil kraftangan dengan membuat jualan secara kecil kecilan."

"Ilmu kraftangan ini tidak memerlukan kos tinggi dan caranya juga mudah dipelajari," katanya kepada SelangorKini.

Beliau berkata, PWB DUN Batang Kali juga mengadakan beberapa program lain dalam waktu terdekat.

"Pada 24 Februari ini kita mengadakan program membuat Acar Buah dan program membuat Biskut Tart bagi membantu kaum wanita membuat jualan menjelang bulan Ramadan akan datang," katanya.

8 INFO MENARIK LZS



- 1 Jumlah asnaf fakir miskin di Selangor adalah sebanyak 44,293 keluarga.
- 2 173 keluarga asnaf fakir miskin berjaya keluar dari kategori kemiskinan melalui bantuan modal perniagaan.
- 3 340 keluarga pula keluar daripada kategori kemiskinan melalui semakan semula penentuan garis kemiskinan hadul kifayah.
- 4 447 keluarga asnaf baharu berjaya ditemui melalui program turun padang Skuad Jejak Kemiskinan LZS.
- 5 LZS menambah dua lagi cawangan baharu di Klang dan Cyberjaya bagi memudahkan urusan agihan dan kutipan zakat.
- 6 Jumlah pembayar zakat sebanyak 256,540 orang meningkat 3% daripada pembayar tahun sebelumnya.
- 7 Jumlah pengagihan zakat meningkat 14% daripada tahun sebelumnya dengan peningkatan RM80.6 juta.
- 8 Semua urusan kewangan dan operasi LZS akan diaudit Ketua Audit Negara.

Mangsa ribut bumbung rumah terbang dibantu



SHAH ALAM - Mangsa ribut di Kampung Sungai Buaya, Hulu Selangor, Rosli Supaat mendapat perhatian Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Berita musibah menimpah keluarga itu segera dikunjungi wakil LZS bersama Nazir Masjid Ar-Rahmah kampung itu apabila sebahagian bumbung kiediaman terbang.

Sumbangan sebanyak RM300 sebagai pendahuluan diserahkan kepada Rosli serta bantuan baik pulih rumah disusuli bagi meringankan bebanannya yang juga asnaf.

"Didoakan supaya mangsa sekeluarga tabah menghadapi dugaan ini. Terima kasih pengeluar zakat, zakat anda kami salurkan kepada mereka memerlukan."

"Semoga harta anda terus subur dengan tertunainya kewajipan berzakat," tulis LZS dalam laman Facebooknya.

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) membangunkan lima projek harta tanah wakaf di Selangor bagi manfaat umat Islam di negeri itu.

Pengerusi MAIS, Datuk Mohamad Adzib Mohd Isa, berkata projek terbabit dijalankan menerusi anak syarikat Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) dan Urus Maju Ehsan (M) Sdn Bhd (UME).

"Ia bertujuan meningkatkan nilai ekonomi dan pelaburan harta tanah wakaf sedia ada bagi menjadikan institusi wakaf sebagai instrumen dalam meningkatkan sosio ekonomi umat Islam."

"MAIS sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf di Selangor sememangnya berharap harta tanah wakaf sedia ada dimaksimalkan manfaatnya dan ditambah nilai pelaburan seiring dengan tanah kovensional lain," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran Projek Pembangunan Hartanah Wakaf UME bersama PWS di sini, pada 11 Feb-ruari lalu.

Projek terbabit perangkumi perumahan dan lot kedai dengan harga berpatutan dan mampu milik berkonseptan 'al-ijarah' dan 'ta-warruq' pajakan 99 tahun khusus

Tingkat sosio ekonomi

MAIS bangunkan lima projek harta tanah wakaf

i

5 Projek Hartanah Wakaf (RM135 juta)

- UME Teratai Avenue
- UME Ehsan Residence
- UME Impian Taman Desa Kencana
- UME Idaman Taman Desa Kencana
- UME Gemersik, Taman Meru Makmur

kepada pembeli beragama Islam.

Mohamad Adzib berkata, kejayaan lima projek pembangunan harta tanah dijayakan PWS dan MAIS berjaya menuaikan niat pewakaf dan mengeluarkan hasil manfaat lebih tinggi serta disalurkan kepada lima penerima manfaat.

Katanya, jika melihat kepada keadaan ekonomi di negara



yang tidak menentu, beliau percaya bahawa setiap produk diperkenalkan masih menjadi satu keperluan dan permintaan masyarakat.

Sehingga kini, beliau berkata, PWS dan MAIS diamanahkan menguruskan harta tanah wakaf

di Selangor dengan anggaran nilai RM433 juta meliputi 72 unit premis wakaf, 24 bazar wakaf rakyat dan 789 lot tanah.

LZS: Nisab Zakat 2016 RM12,680

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) mengumumkan kadar nisab Zakat di Selangor bagi Januari hingga Jun 2016 adalah sebanyak RM12,680.

LZS dalam satu kenyataan dipetik di laman Facebooknya menyatakan kadar nisab zakat ditentukan berdasarkan kadar harga emas Julai hingga Disember tahun sebelumnya.

Nisab adalah kadar minimum pemilikan sesuatu harta yang wajibkan zakat ke atas harta itu.

Sebelum ini, LZS mengagihkan RM676.3 juta wang zakat kepada golongan asnaf di negeri ini tahun lepas.

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Mohamad Adzib Mohd Isa, berkata jumlah berkenaan menunjukkan peningkatan sebanyak RM80.6 juta berbanding jumlah agihan wang zakat pada 2014 iaitu RM595.7 juta.

Peguam Syarie disaran elak tangguh kes

SHAH ALAM - Peguam Syarie disaran lebih bertanggungjawab mengendalikan kes serta tidak melengahkan masa secara sengaja demi meraih banyak keuntungan.

Pengarah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Mohamad Adzib Mohd Isa, berkata sebagai peguam yang membawa nama 'Syariah', mereka diseru memberikan nasihat terbaik kepada pelanggan supaya menyelesaikan kes difaiklan melalui sifat atau persetujuan bersama.

"Dengan cara ini, banyak kes difaiklan diselesaikan dengan lebih

cepat dan sekaligus mengelakkan berlakunya peningkatan tunggakan kes," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucaptama Majlis Pentaulahan dan Penyampaian Sijil Peguam Syarie Negeri Selangor 2015 di Dewan Muktamar Bangunan MAIS.

Beliau turut mengharapkan Peguam Syarie yang baru dilantik bersama-sama memartabatkan institusi perundungan dan kehakiman Syariah di Selangor.

Seramai 49 menerima pentaulahan rasmi selaku Peguam Syarie

rie Negeri Selangor 2015.

Majlis disempurnakan Mohamad Adzib sambil diiringi Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar.

Kesemua mereka layak mendapat tauliah selepas menamatkan pengajian Diploma Pentadbiran Kehakiman dan Guaman Islam dan latihan dalam kamar selama sembilan bulan.

Terdahulu, penerima tauliah membaca ikrar selaku Peguam Syarie yang diketuai Muhammad Zaki Sukery.

JAKESS sasar 4 KPI martabat mahkamah syariah

SHAH ALAM - Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS) meletakkan empat Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi 2016 supaya institusi perundungan syariah mampu menyelesaikan lambakan kes dengan segera.

Pengarah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Mohamad Adzib Mohd Isa, berkata Peguam Syarie yang menerima tauliah juga bertindak selaku pegawai mahkamah bertanggungjawab memastikan setiap kes diwakili tidak dilengahkan.

"Semua yang baru dilantik sebagai Peguam Syarie diseru untuk sama-sama membentuk JAKESS bagi menyelesaikan isu tunggakan kes," katanya.

Empat KPI ditetapkan adalah



100 peratus penyelesaian Kes Mal di Mahkamah Rendah Syariah yang difaiklan melebihi tempoh dua tahun dan 80 peratus penyelesaian Kes Mal di Mahkamah Tinggi Syariah yang difaiklan melebihi tempoh dua tahun dari 75 peratus penyelesaian Kes Mal di Mahkamah Tinggi Syariah yang difaiklan kurang dari tempoh dua tahun.

Sementara 85 peratus penyelesaian Kes Mal di Mahkamah Tinggi Syariah yang difaiklan melebihi tempoh dua tahun dari 75 peratus penyelesaian Kes Mal di Mahkamah Tinggi Syariah yang difaiklan kurang tempoh dua tahun.

Sedia hadapi cabaran liberalisme

SHAH ALAM - Peguam Syarie perlu bersedia berhadapan cabaran penularan fahaman liberalisasi dan pejuang hak kemanusiaan bertunjangkan tafsiran sempit barat bertengangan Islam.

Pengarah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Mohamad Adzib Mohd Isa, berkata fahaman itu dilihat menular melalui badan bukan kerajaan (NGO) yang mencabar peruntukan jenayah khalwat kononnya bercanggah kebebasan hak asasi dalam Perlembagaan Persekutuan.

"Mereka ini adalah masyarakat Islam yang merosakkan ke-rohaniannya sehingga menjadi liberal dan mentafsirkan hak asasi secara literal tanpa memikirkan maslahat masyarakat serta keperluan Maqasid Syariah."

"Setiap undang-undang berfungsi untuk mengawal dan mendidik masyarakat," katanya.

Selain kumpulan liberal, golongan lesbian, gay, biseksual dan transeksual (LGBT) juga pernah bangkit mencabar kewibawaan Islam yang sedikit sebanyak mengganggu kreditibiliti perundungan dan kehakiman Syariah.





Sasar layak saingen elit

PKNS FC komited baiki kedudukan

SHAH ALAM - PKNS FC komited memperbaiki kedudukan terbaik liga bagi memastikan pasukan layak ke saingen elit bola sepak negara.

Presiden PKNS FC, Siti Zubaidah Abd Jabar, berkata sasaran itu realistik dengan pengalaman Ketua Jurulatih, E Elavarasan serta adunan pemain lama dan baru bagi mengharungi saingen lebih sengit pada musim ini.

"Kami sedar sasaran ini bukanlah perkara mudah berdasarkan kualiti yang ada pada pencabar kejuraan seperti Johor Darul Takzim II, Sabah, Negeri Sembilan dan Perlis.

"Kami tetap optimis memberikan saingen menerusi adunan beberapa pemain berpengalaman seperti PGunalan, M.Sivakumar, Shahru Azhar Ture serta pemain yang semakin me-

ningkat naik seperti Khairu Azrin, Nazrin Syamsul dan Alif Haikal" katanya memekiti laman sesawang Selangor PKNS FC.

Bagi musim ini, PKNS FC turut menerima kehadiran beberapa muka baru tempatan seperti Remezey Che Ros yang kembali bersama pasukan, Khairul Ramadan, Shakir Ali, Farid Ramli dan beberapa lagi pemain.

Ketidaaan penyerang import sensasi musim lalu, Patrick Ronaldinho Wleh yang dipinjamkan ke Selangor dirasai, namun pengurusan pasukan yakin pemain import baru, Juan Manuel Cobelli dari Argentina.

Begitu juga pemain kebangsaan Palestina, Matias Jadue mampu mencipta persefahaman baik bersama dua lagi pemain import dikenalkan iaitu Gon-

zalo Manuel Soto dan Gabriel Miguel Guerra.

"PKNS FC tidak mempunyai pemain berstatus bintang, namun saya percaya kemampuan pemain kita ada" kata Zubaidah.

"Berdasarkan persiapan pasukan pada pra-musim, pemain menunjukkan komitmen tinggi, berdisiplin, semangat berpasukan dan paling penting mereka bermain untuk meningkatkan imej PKNS sendiri" katanya.

PKNS FC juga turut mewarnai saingen Presiden dalam usaha melaksanakan program pembangunan bola sepak dan melahirkan bakat baru.

Malah, pengurusan turut menyediakan pasukan bagi saingen Liga FAS selain menyediakan peruntukan secukupnya untuk Akademi PKNS FC.

Dari P.Pinang ke Chelsea, kembang bakat bola

SHAH ALAM - Chelsea FC Soccer School yang berpusat di Damansara Damai mendapat perhatian remaja termasuk dari Pulau Pinang untuk mengembangkan bakat bola sepak.

Jurulatih Chelsea FC Soccer School, Abdul Halim Abdullah, berkata pelajar terbabit sanggup berulang lebih 300 kilometer (Km) asalkan dapat mengikuti sesi latihan.

"Kami fokus kepada anak-anak berumur empat hingga 17 tahun dan kebanyakannya pelajar di sekolah Damansara Damai sendiri tetapi ada juga yang datang dari Pulau Pinang disini setiap hari minggu."

"Latihan diberikan di sini mengikut skutan latihan Kelab Chelsea sendiri apabila mereka ada pengkhususan mengikut peringkat umur digunakan di mana-mana Chelsea Soccer School



lain di seluruh dunia," katanya.

Selain dua pusat latihan di Damansara Damai bagi Semenanjung dan sebuah lagi di Sabah, Chelsea turut membuka pusat latihan serupa di banyak negara lain.

Pusat latihan itu dibuka dengan ker-

jasama Pusat Sukan NPNG Sdn Bhd dengan kerjasama Kelab Chelsea FC di England dua tahun lalu.

Abdul Halim berkata, ibu bapa yang berminat menghantar anak mereka bermain boleh berbuat demikian seawal empat tahun lagi.

SUKIPT: UNISEL bawa pulang tiga perak dua gangsa

SHAH ALAM - Universiti Selangor (UNISEL) mencatatkan pencapaian amat membanggakan dalam Kejohanan Sukan Institut Pengajian Tinggi (SUKIPT) apabila berjaya membawa pulang tiga perak dan dua gangsa.

UNISEL dalam laman rasminya menyifatkan kejayaan itu sebagai terbaik sepanjang tiga kali pertandingan mereka dalam kejohanan.

Ia membuktikan prestasi UNISEL dalam kejohanan terbabit mencatat peningkatan dari tahun ke tahun.

Tiga perak diperolehi dalam acara judo 66 kilogram (kg) lelaki melalui Muhamad Danish Shamsudin, 400 meter perempuan (Sherrina Mohamad Shaffrin) dan taekwondo lelaki (Muhammad Shafiq Istiqab).

Manakala gangsa diperoleh Muhammad Khairi Mukim dalam pencak silat kelas D dan Mohamad Hashri Fikri Mohamad Taupik (ping pong perseorangan).

SUKIPT berlangsung pada 25 Januari hingga 5 Februari lalu di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor.



WAKTU SOLAT SELANGOR							
19 - 26 FEBRUARI 2016							
10 - 17 JAMADILAWAL 1437H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	
19 Jumaat	6.00	6:10	7:26	1:30	4:48	7:29	8:39
20 Sabtu	6.00	6:10	7:25	1:30	4:48	7:29	8:39
21 Ahad	6.00	6:10	7:25	1:30	4:47	7:29	8:39
22 Jmn	6.00	6:10	7:25	1:30	4:47	7:29	8:39
23 Selasa	6.00	6:10	7:25	1:29	4:47	7:29	8:39
24 Rabu	6.00	6:10	7:25	1:29	4:46	7:29	8:39
25 Khamis	5.59	6:09	7:24	1:29	4:46	7:29	8:39
26 Jumaat	5.59	6:09	7:24	1:29	4:45	7:29	8:39
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	
19 Jumaat	6.02	6:12	7:30	1:32	4:50	7:31	8:41
20 Sabtu	6.02	6:12	7:29	1:32	4:50	7:31	8:41
21 Ahad	6.02	6:12	7:29	1:32	4:49	7:31	8:41
22 Jmn	6.02	6:12	7:29	1:32	4:49	7:31	8:41
23 Selasa	6.02	6:12	7:29	1:31	4:49	7:31	8:41
24 Rabu	6.02	6:12	7:28	1:31	4:48	7:31	8:41
25 Khamis	6.01	6:11	7:28	1:31	4:48	7:31	8:41
26 Jumaat	6.01	6:11	7:28	1:31	4:47	7:31	8:41

Zainal puas hati, Amirudin yakin bangkit

Red Giants bermula baik

LARKIN - Pasukan Red Giants berpuas hati apabila berjaya memperolehi satu mata penting ketika bertemu pasukan Johor Darul Takzim (JDT) pada perlawanan sulung mereka.

Pengurus Selangor, Amirudin Shari, berkata keputusan seri itu adalah yang terbaik ekoran mereka menentang salah satu pasukan terbaik Asia dan Malaysia ketika ini.

"Untuk liga kita tidak melepaskan mana-mana mata dan itu adalah permulaan baik untuk Selangor ekoran bermain di Stadium Larkin dengan menentang Juara Liga Super 2015, Juara AFC dan Juara Piala FA 2015."

"Saya gembira dengan keputusan ini namun sedikit terkilan kerana tidak mampu membawa Piala Sumbangsih ke Selangor. Diharap Pasukan Selangor bangkit untuk perlawanan seterusnya," katanya.


Sementara itu, Ketua Jurulatih, Zainal Abidin Hassan, berkata beliau berpuas hati dengan persembahan pemain Selangor apabila menjalankan tugas dengan baik mengekang kemanisan JDT.

"Bagi saya penting sekali adalah satu mata di Larkin, bukan mudah kutip mata di Larkin."

"Pemain menjalankan tugas dengan baik, memang hasrat kami inginkan Piala Sumbangsih, namun nasib tidak menyebelahi kami."

Zainal berkata, disiplin pada separuh masa pertama kurang baik ekoran pemain memberi ruang dan keyakinan tinggi pada pihak lawan sehingga Selangor hanya mampu bertahan.

"Pemain import baru mereka belum menyuaikan diri, tidak banyak peluang yang ada dan diharapkan mereka membuktikan sesatu pada perlawanan di Ipoh, Perak pada Selasa ini," katanya.



Bagi saya penting sekali adalah satu mata di Larkin, bukan mudah kutip mata di Larkin. Pemain menjalankan tugas dengan baik, memang hasrat kami inginkan Piala Sumbangsih, namun nasib tidak menyebelahi kami

ZAINAL ABIDIN HASSAN

Ketua Jurulatih



Diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Dicetak oleh Angkatan Edaran Ent Sdn Bhd Lot 6, Jln Tukang 16/4, Sek. 16, 40000, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Tel : 03-5519 6373 Fax : 03-5512 7985

Berjaya curi satu mata di Larkin

LARKIN - Biarpun Red Giants berjaya mencuri satu mata di Larkin, namun pasukan itu terpaksa akur apabila tewas 7-6 kepada Johor Darul Takzim (JDT) menerusi separaan penalti bagi merebut Piala Sumbangsih, pada 13 Februari lalu.

Kedua pasukan menunjukkan aksi mantap pada perlawanan itu apabila JDT memperoleh gol awal pada separuh masa pertama menerusi Hariss Harun selepas menanduk masuk separaan sudut diambil Safiq Rahim.

Bersambung babak kedua, Selangor menggandakan serangan dan akhirnya berjaya menyamakan kedudukan pada minit ke-60 menerusi Hafiz Kamal dengan separaan lengcong di luar kotak penalti menawaskan penjaga gol JDT.

Perlawanan terpaksa ditentukan menerusi separaan penalti selepas kedua pasukan terikat 1-1 tamat tempoh 90 minit permainan.

Selangor berpeluang menamatkan separaan penalti lebih awal untuk menang selepas Azamuddin Akil gagal menyempurnakan separaan penalti keenam JDT namun perkara sama berlaku kepada R Gopinathan selepas Farizal Marlais menampang kemas sepanjang perlawanan.

Sepakan penalti kesembilan Selangor gagal disempurnakan Azrif Nasrul Haq dan sekadar melewati gawang gol.

Kejayaan ini menyaksikan JDT berjaya merangkul Piala Sumbangsih untuk kali ketiga.



Gambar oleh Shuaib Ayob